



BULETIN

DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU

Tahniah!

BANDARAYA KOTA KINABALU DIIKTIRAF SEBAGAI

SMART CITY EARLY ADOPTER 2025



YBHG. DATO' SRI DR. HAJI SABIN BIN SAMITAH, JP
Dato Bandar Dewan Bandaraya Kota Kinabalu



KOMUNITI

KK INDAH DAN LESTARI



**IMBAS
KOD QR**

untuk mengakses
Buletin DBKK
Julai-Disember 2025
versi digital

ISI KANDUNGAN

- 3 Dari Pena Mayor
- 4 Anugerah DBKK
- 6 Jejak Diari Mayor
- 11 Lawatan Dan Kunjungan Rasmi
- 14 Sinergi Antarabangsa
- 16 Sambutan Dan Keraian
- 23 Pemantapan Kualiti Perkhidmatan dan Pentadbiran
- 30 Kolaborasi Korporat
- 33 Komuniti
- 40 Pelancongan
- 44 KK Bersih Dan Sihat
- 53 KK Indah dan Lestari
- 55 Go Enforce!
- 58 Cerita Sukan DBKK
- 60 Diari PUSPANITA CDKK



SIDANG REDAKSI

PENAUNG

YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, *JP*
Mayor Bandaraya Kota Kinabalu

PENASIHAT

YBhg. Datuk Sr. Lifred Wong
Ketua Pengarah

PENGERUSI

Puan Faradillah binti Haji Abdul Rani
Timbalan Ketua Pengarah (Khidmat Pengurusan)

KETUA EDITOR

Puan Jainab Saidi
Pengarah Jabatan Pengaduan dan Perhubungan Awam

PENOLONG KETUA EDITOR

Puan Noorziana Zainih

EDITOR

1. Puan Eleanor Michelle Patrick
2. Puan Olga Charles

SUMBER FOTO

Encik Mohd. Asruddey Rusli
Encik Renaldo Fernandez

SUMBER ARTIKEL

Semua Jabatan

DARI PENA MAYOR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Malaysia Madani dan Salam Sabah Maju Jaya.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah mencatatkan pelbagai kejayaan bermakna sepanjang tempoh Julai hingga Disember 2025. Tahniah dan syabas kepada seluruh warga DBKK serta rakan-rakan strategik atas komitmen, sokongan dan kerjasama yang telah diberikan.

Kejayaan paling signifikan dalam tempoh ini ialah pengiktirafan Bandaraya Kota Kinabalu sebagai Smart City Early Adopter 2025 pada bulan Oktober lalu. Pengiktirafan ini meletakkan DBKK sebagai salah satu daripada 27 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Malaysia yang menerajui agenda bandar pintar, sekali gus membuktikan bahawa Kota Kinabalu terus melangkah ke hadapan sebagai sebuah bandar raya yang moden, mampan, berdaya saing dan berorientasikan masa depan.

Dalam memperkukuh hala tuju Bandar Pintar DBKK, kita turut menggerakkan kerjasama strategik bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) melalui pembangunan infrastruktur digital, sistem CCTV pintar, Internet of Things (IoT), analitik data dan Command Centre. Inisiatif ini akan memperkukuh keupayaan DBKK dalam pemantauan bandar, keselamatan awam, pengurusan trafik, kebersihan, tindak balas aduan serta penyampaian perkhidmatan yang lebih pantas dan berkesan kepada rakyat.

Pada masa yang sama, DBKK juga sedang melaksanakan agenda Enterprise Architecture (EA) sebagai tulang belakang transformasi organisasi. Melalui EA, DBKK akan menyusun semula proses kerja, sistem digital, data, aplikasi dan teknologi supaya lebih bersepadu, telus dan cekap. EA bukan sekadar projek teknologi, tetapi satu pendekatan pengurusan baharu untuk memastikan DBKK bergerak daripada cara kerja silo kepada satu ekosistem organisasi yang lebih tersusun, berasaskan data dan berorientasikan hasil.

Selain agenda digital, DBKK turut memberi tumpuan kepada pembangunan ekonomi baharu melalui Projek Tuna dan Ekonomi Biru. Projek ini berpotensi menjadikan Kota Kinabalu sebagai hab makanan laut, pendaratan tuna, pemprosesan hiliran, pelancongan gastronomi dan perdagangan eksport serantau. Dengan pendekatan kerjasama strategik bersama sektor swasta, DBKK berhasrat menjadikan pembangunan ini sebagai salah satu pemacu hasil baharu bandar raya, sekali gus menyokong agenda ekonomi Negeri Sabah.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah; Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Sr. Haji Safar bin Untong, *JP*, Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah serta seluruh Kerajaan Negeri Sabah atas segala bimbingan, sokongan dan dasar yang memacu kejayaan DBKK. Begitu juga kepada semua agensi kerajaan, pihak swasta, NGO dan seluruh warga Kota Kinabalu atas sokongan serta kerjasama padu yang telah diberikan.



Ucapan tahniah dan penghargaan juga saya tujukan kepada Sidang Redaksi Buletin DBKK kerana berjaya menerbitkan edisi Julai–Disember 2025 ini. Usaha dan komitmen yang dicurahkan amat dihargai demi memastikan warga bandar raya terus menerima maklumat yang bermanfaat.

Ayuh, warga Kota Kinabalu! Marilah kita melangkah ke tahun 2026 dengan penuh semangat, keyakinan dan iltizam untuk merealisasikan visi **“Kota Kinabalu Sejahtera”**. DBKK bukan sekadar membina bandar pintar; kita sedang membina sebuah bandar raya yang lebih selamat, bersih, cekap, berdaya tahan dan mampu menggerakkan ekonomi baharu untuk rakyat dan Negeri Sabah.

Kejayaan Kota Kinabalu adalah kejayaan kita semua.

Selamat membaca!

A handwritten signature in black ink, consisting of a stylized 'S' followed by a horizontal line and a small flourish at the end.

Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, *JP*
Mayor Bandaraya Kota Kinabalu

TAHNAH!

DBKK RAIH TIGA ANUGERAH

DALAM MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN BENGKEL KESELAMATAN SIBER 2025 DAN MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH LAMAN WEB KERAJAAN NEGERI SABAH (SGWC)

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) berjaya merangkul tiga (3) anugerah dalam Majlis Perasmian Penutupan Bengkel Keselamatan Siber 2025 dan Majlis Penyampaian Anugerah Laman Web Kerajaan Negeri Sabah (SGWC), yang diadakan di Sabah International Convention Centre (SICC), pada 7 Oktober 2025.

Majlis telah disempurnakan oleh YBhg. Encik Hassan Mahali, Setiausaha Tetap, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (KSTI). Pertandingan anjuran KSTI ini telah disertai seramai 44 Agensi Kerajaan Negeri Sabah (AKNS) dan penilaian juri telah berlangsung pada bulan September 2025.



Hadir menerima anugerah ini adalah YBhg. Datuk Sr. Lifred Wong, Ketua Pengarah, DBKK. Turut hadir ialah Puan Ng Mui Chen @ Michelle Wong, Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat dan Pendigitalan, DBKK bersama Puan Sarah Bessie Sipaul, Pegawai Teknologi Maklumat yang turut berperanan sebagai Webmaster DBKK.

Anugerah yang diterima ini mencerminkan komitmen dan usaha berterusan DBKK dalam memperkukuh kecekapan penyampaian maklumat melalui platform laman web rasmi. Tahniah!



DBKK telah berjaya menerima anugerah bagi kategori-kategori berikut:

JOHAN

ANUGERAH
**THE OUTSOURCED
WEB INNOVATOR AWARD**
(Kategori Pihak Berkuasa Tempatan dan
Badan Berkanun Negeri)

TEMPAT KE-3

ANUGERAH
WEBMASTER OF THE YEAR
(Kategori Pihak Berkuasa Tempatan dan
Badan Berkanun Negeri)

TEMPAT KE-4

ANUGERAH
**LAMAN WEB KERAJAAN
TERBAIK**
(Keseluruhan)

TAHNIAH!

BANDARAYA KOTA KINABALU DIIKTIRAF SEBAGAI **SMART CITY EARLY ADOPTER 2025**

Bandaraya Kota Kinabalu telah diiktiraf sebagai Smart City Early Adopter 2025 bersempena dengan Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia, Kongres Perancangan Kebangsaan dan MyCity Expo 2025 yang berlangsung di Dewan Seri Siantan, Perbadanan Putrajaya, pada 28 Oktober 2025.

Majlis telah dirasmikan oleh YAB Datuk Amar Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Hadir sama ialah YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan YB Datuk Seri Dr. Zaliha Mustafa, Menteri Wilayah Persekutuan.

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) merupakan salah satu daripada 27 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Malaysia yang telah menerima pengiktirafan di bawah Anugerah Penarafan Smart City Malaysia 2025.

Anugerah ini diterima oleh YBhg. Datuk Sr. Lifred Wong, Ketua Pengarah, DBKK mewakili Mayor Bandaraya Kota Kinabalu. Hadir sama ialah Puan Tantinny Fung Chew Li, Pengarah Jabatan Perancangan Bandaraya dan pegawai daripada Jabatan Perancangan Bandaraya, DBKK.

Pengiktirafan ini diberi atas dasar komitmen dan usaha berterusan dalam melaksanakan inisiatif bandar pintar yang menyokong pembangunan mampan, kecekapan perkhidmatan serta kesejahteraan komuniti bandar raya.

Kejayaan ini mencerminkan usaha gigih DBKK dalam menjayakan agenda pembangunan bandar pintar serta peranan aktif DBKK sebagai peneraju inisiatif bandar pintar di Bandaraya Kota Kinabalu.

Sekalung tahniah diucapkan kepada seluruh warga DBKK atas dedikasi dan semangat berpasukan yang membawa kepada pencapaian membanggakan ini!



TAHNIAH!

DBKK RAIH PENGIKTIRAFAN 5 BINTANG PBT CEMERLANG PROGRAM PENARAFAN BINTANG AUDIT TEKNIKAL (PBAT) PERKHIDMATAN KESIHATAN PERSEKITARAN 2025

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) berjaya meraih pengiktirafan 5 Bintang PBT Cemerlang Program Penarafan Bintang Audit Teknikal (PBAT) Perkhidmatan Kesihatan Persekitaran 2025 serta mendapat Ke-3 bagi Kempen Membasmi Tikus (Pasar Besar Kota Kinabalu), dalam sebuah majlis di Bangi Avenue Convention Centre, Bangi, pada 9 Oktober 2025.

Anugerah ini telah diterima oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, JP, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu daripada YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersempena dengan Sambutan Hari Kesihatan Persekitaran Sedunia Peringkat Kebangsaan anjuran Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Hadir sama ialah Encik Robert Lipon, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Operasi) dan Puan Syron Tunggolou, Pengarah Jabatan Kesihatan Persekitaran Bandaraya, DBKK.

Semoga pengiktirafan ini menjadi pendorong yang mengekalkan momentum kecemerlangan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat di Bandaraya Kota Kinabalu!



LAWATAN PEMANTAUAN MAYOR BANDARAYA KOTA KINABALU

YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, *JP*, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu telah mengadakan lawatan pemantauan ke beberapa kawasan terpilih di sekitar Bandaraya Kota Kinabalu pada 14 Oktober 2025. Lawatan ini bertujuan untuk meninjau keadaan semasa dan memastikan aspek kebersihan, penyelenggaraan serta penambahbaikan infrastruktur bandar sentiasa berada pada tahap yang optimum.

Lawatan berkenaan turut disertai oleh pengurusan tinggi serta pegawai kanan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) daripada pelbagai jabatan, teknikal dan operasi. Antara objektif utama lawatan ini adalah untuk menilai secara langsung keberkesanan pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan, kebersihan dan operasi lapangan yang dijalankan oleh pihak kontraktor serta jabatan berkaitan.

Fokus pemerhatian turut meliputi pelbagai aspek termasuk pengurusan sisa pepejal dan sisa laut, kebersihan kawasan awam, keadaan laluan pejalan kaki dan trek jogging, sistem saliran dan parit, tahap penyelenggaraan lori pengangkut sampah, fungsi lampu jalan, keadaan jalan raya, sistem kumbahan (*sewerage*), kemudahan tandas awam, tekanan serta kualiti air, landskap bandar, kawasan perniagaan dan penjaja, serta tahap kesihatan dan keselamatan awam di kawasan sekitar.



Dato' Sri Mayor turut menekankan pentingnya setiap jabatan dan kontraktor terlibat untuk mengambil tindakan segera terhadap sebarang isu yang dikenal pasti semasa lawatan, agar tahap kebersihan dan penyelenggaraan bandar dapat dipertingkatkan secara berterusan.

Beliau menegaskan bahawa aktiviti pemantauan lapangan sebegini merupakan langkah proaktif DBKK dalam memastikan mutu perkhidmatan bandar raya terus ditambah baik serta selaras dengan visi menjadikan Kota Kinabalu Sejahtera.

Dato' Sri Mayor turut menyeru semua warga bandar raya agar memainkan peranan bersama dalam menjaga kebersihan, keindahan dan keharmonian persekitaran demi kesejahteraan bersama.

Lawatan pemantauan seumpama ini akan diteruskan dari semasa ke semasa bagi memastikan setiap kawasan di bawah pentadbiran DBKK berada dalam keadaan terurus, selamat dan kondusif untuk didiami serta dikunjungi.

PEMANTAUAN MAYOR KE PASAR BESAR KOTA KINABALU

YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, *JP*, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu telah mengadakan lawatan pemantauan ke Pasar Besar Kota Kinabalu pada 17 Oktober 2025 bagi meninjau pelaksanaan beberapa projek penambahbaikan yang dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK).

Pemantauan ini bertujuan mengesahkan status serta memastikan semua kerja dilaksanakan dengan baik dan memberi manfaat terus kepada para peniaga serta pengunjung pasar.

Antara projek yang ditinjau ialah pemasangan perangkap gris (*grease trap*) bagi mengawal sisa minyak dan lemak, pembaikan sistem lampu dan kipas untuk keselesaan dan



keselamatan pengguna, serta pemasangan dua unit loji penapis air masin kepada air tawar bagi menjamin kualiti bekalan air di kawasan pasar.

Dalam lawatan tersebut, Dato' Sri Mayor turut menekankan kepentingan menjaga tahap kebersihan pasar sebagai lambang imej bandar raya dan kesejahteraan awam. Beliau turut berinteraksi dengan para peniaga bagi mendapatkan maklum balas mengenai kemudahan sedia ada serta cadangan penambahbaikan.

MAYOR BANDARAYA KOTA KINABALU KETUAI 'BRISK WALK' DI PERDANA PARK TANJUNG ARU, TINJAU KETERSEDIAAN TAMAN

Menjelang pembukaan semula Perdana Park Tanjung Aru kepada orang awam, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah mengadakan sesi Brisk Walk bersama YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, *JP*, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu di sekitar taman, pada 2 Disember 2025.

Dalam sesi 'brisk walk' tersebut, Dato' Sri Mayor telah meninjau serta menilai hasil kerja-kerja pembaikan di sekitar taman yang dijangka akan dibuka semula dalam masa terdekat selepas DBKK menerima penyerahan rasmi Perdana Park Tanjung Aru.

Hadir sama ialah Encik Robert Lipon, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), DBKK; Encik Victor Gerard Kuasi, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan Kewangan), DBKK; Ketua-ketua Jabatan, DBKK serta Pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Botani, DBKK.

Perjalanan 'brisk walk' bersama Dato' Sri Mayor ini meliputi jarak keseluruhan 1,790m yang melibatkan Trek 1 (690m), Trek 2 (600m) dan Trek 3 (500m). Antara kemudahan yang telah diperiksa ialah trek jogging, wakaf, bangku taman, stesen senaman, taman permainan kanak-kanak dan tandas awam.

DBKK telah menerima peruntukan daripada Kementerian Kewangan Negeri Sabah untuk melaksanakan beberapa kerja-kerja pembaikan di sekitar taman demi keselamatan dan keselesaan pengunjung, antaranya ialah pembaikan pagar, lampu, tandas serta trek jogging yang uzur dan rosak. Kerja-kerja pembaikan akan diteruskan secara berperingkat, bergantung kepada peruntukan yang tersedia.

Pengumuman rasmi pembukaan semula Perdana Park Tanjung Aru boleh diperoleh orang ramai menerusi hebahan notis awam DBKK yang akan dikeluarkan dalam masa terdekat.



Dato' Sri Mayor diiringi oleh pihak pengurusan tinggi dan pegawai kanan DBKK, yang bersama-sama meninjau kemudahan serta memastikan pelaksanaan projek berjalan mengikut spesifikasi dan memberi impak positif kepada komuniti bandar raya.





MAYOR KETUAI SESI WALKABOUT, SEMARAKAN SEMANGAT PATRIOTIK DENGAN KIBARAN JALUR GEMILANG DAN ALUNAN LAGU-LAGU PATRIOTIK DI PREMIS PERNIAGAAN SEKITAR BANDARAYA KOTA KINABALU

Kibaran megah Jalur Gemilang dan Bendera Sabah yang memenuhi seluruh pelusok Bandaraya Kota Kinabalu menjadi lambang semangat patriotisme dan cinta akan negara menjelang tanggal 31 Ogos 2025.

Usaha ini diteruskan dalam Sesi *Walkabout* Kibar Bendera yang disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, *JP*, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu yang hadir bersama isteri, YBhg. Datin Sri Hajah Adreen Aderizza binti Mohamad Soffi, selaku Pengerusi PUSPANITA Cawangan Daerah Kota Kinabalu, pada 22 Ogos 2025.

Program ini merupakan sebahagian daripada usaha Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dalam menyemarakkan lagi suasana Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Sabah 2025 yang bakal tiba.

Hadir sama ialah YBhg. Datuk Sr. Lifred Wong, Ketua Pengarah, DBKK; Encik Victor Gerard Kuasi, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pengurusan Kewangan), DBKK; Encik Jimon Jahim, Pengarah Eksekutif DBKK Holdings Sdn. Bhd. serta Ketua-ketua Jabatan, DBKK.

Menerusi sesi *walkabout* ini, lebih 80 pemilik premis perniagaan di sepanjang Jalan Gaya dan Jalan Pantai telah menerima Jalur Gemilang dan Bendera Sabah.

Sambil beramah mesra, Dato' Sri Mayor turut menyeru kepada pemilik premis untuk menyuntik semangat patriotik dalam kalangan penduduk Bandaraya Kota Kinabalu dengan putaran lagu-lagu patriotik di premis masing-masing.



MAYOR BANDARAYA KOTA KINABALU SERAH SUMBANGAN KEPADA KAKITANGAN DBKK TERKESAN BENCANA KEBAKARAN

Bagi meringankan beban yang dihadapi, YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, *JP*, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu dan isteri, YBhg. Datin Sri Hajah Adreen Aderizza binti Mohamad Soffi telah memberi sumbangan bencana kepada Encik Mohd Iskandarsyah bin Basir, kakitangan Jabatan Landskap, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu yang terkesan akibat insiden kebakaran di Kampung Suang Parai, Manggatal, pada 24 Ogos 2025.

Hadir sama ialah Encik Robert Lipon, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Operasi), DBKK; Encik Karim bin Rahim, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pembangunan Luar Bandar dan Penguatkuasaan), DBKK; Encik Sairullizam bin Sukor, Pengarah Jabatan Perundangan merangkap Chief of Staff Pejabat Mayor; Dr. Albert J. Lintanga, Pengarah Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, DBKK dan Puan Hajah Salmah binti Apslin, Pengarah Jabatan Landskap, DBKK.

Sumbangan yang disampaikan ini diharap dapat meringankan beban yang dipikul oleh Encik Mohd Iskandarsyah bin Basir serta keluarga.



KUNJUNGAN HORMAT KEPADA MAYOR BANDARAYA KOTA KINABALU

10 JULAI 2025



Kunjungan Hormat
Dewan Perniagaan Dan Perindustrian Tionghua
Kota Kinabalu

11 JULAI 2025



Kunjungan Hormat
Sabah Creative Economy And
Innovation Centre (SCENIC)

16 JULAI 2025



Kunjungan Hormat
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia Bukit Aman &
Kontinjen Sabah

16 JULAI 2025



Kunjungan Hormat
Malaysia Plastics Manufacturers Association

28 JULAI 2025



Kunjungan Hormat
Jabatan Penjara Malaysia
(Kementerian Dalam Negeri Pejabat Pengarah
Penjara Negeri Sabah & WP Labuan)

31 JULAI 2025



Kunjungan Hormat
Persatuan Sokongan Kanser Payudara Kota Kinabalu, Sabah

20 OGOS 2025



Kunjungan Hormat
Pejabat Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional

25 OGOS 2025



Kunjungan Hormat
Persatuan Badan Berkanun Malaysia

KUNJUNGAN HORMAT KEPADA MAYOR BANDARAYA KOTA KINABALU

26 OGOS 2025



Kunjungan Hormat
Blue Town Construction Sdn Bhd & Zhejiang Weiming
Environment Protection Co. Ltd

11 SEPTEMBER 2025



Kunjungan Hormat
Amanahraya

22 SEPTEMBER 2025



Kunjungan Hormat
Sabah Hospitality Fiesta

15 OKTOBER 2025



Kunjungan Hormat
Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Kampus Sabah

16 OKTOBER 2025



Kunjungan Hormat
Universiti Malaysia Sabah (UMS) Jabatan Pendaftar

17 OKTOBER 2025



Kunjungan Hormat
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Negeri Sabah

7 NOVEMBER 2025



Kunjungan Hormat
Kesatuan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran PBT

14 NOVEMBER 2025



Kunjungan Hormat
Perbadanan Pembangunan Sungai Dan Pantai Melaka

YAB PERDANA MENTERI SANTUNI WARGA KOTA KINABALU DI PASAR PAGI GAYA STREET



Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kesudian YAB Perdana Menteri Malaysia meluangkan masa menyantuni warga Kota Kinabalu di Tamu Minggu Jalan Gaya pada 9 November 2025.

Ketibaan beliau telah disambut dengan meriah oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, JP, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu, bersama barisan kepimpinan DBKK serta warga bandar raya yang hadir bagi memeriahkan suasana.

Lawatan santai tersebut telah membuka ruang kepada YAB Perdana Menteri untuk berinteraksi secara langsung dengan komuniti setempat. Dalam kesempatan tersebut, beliau turut menyapa para peniaga kecil serta menikmati suasana pasar rakyat yang sinonim dengan identiti dan warisan budaya Kota Kinabalu.

Sepanjang kunjungan tersebut, YAB Perdana Menteri telah meninjau gerai-gerai peniaga, mendengar pandangan masyarakat serta menyantuni para pengunjung termasuk pelancong dari dalam dan luar negara. Kehadiran beliau

yang mesra dan mudah didekati telah menceriaikan suasana dalam kalangan orang ramai, sekali gus memperlihatkan pendekatan kepimpinan yang dekat dengan rakyat.

Sehubungan itu, DBKK merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kesudian YAB Perdana Menteri turun padang menyantuni rakyat di Jalan Gaya, sebuah mercu warisan rakyat Sabah yang menampilkan keunikan budaya, kepelbagaian komuniti serta kekuatan ekonomi setempat.

DBKK turut menzahirkan komitmen untuk terus memperkukuh kerjasama erat dengan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi memastikan Kota Kinabalu terus berkembang sebagai pusat pelancongan, ekonomi dan kehidupan komuniti yang sejahtera.

Selaras dengan aspirasi pembangunan bandar raya moden yang mampan, harmoni dan inklusif, DBKK menyeru seluruh masyarakat agar terus menyokong usaha pemerkasaan ruang awam seperti Tamu Minggu Jalan Gaya, memelihara warisan budaya serta memperkukuh semangat kekitaan demi kemajuan, kesejahteraan dan kelestarian Kota Kinabalu serta negeri Sabah.





LAWATAN YB MENTERI KPKT KE PROJEK NAIK TARAF TAMAN REKREASI TANJUNG ARU, KOTA KINABALU

Bersempena dengan Program Sentuhan Kasih KPKT 3.0, YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, telah mengadakan lawatan ke Projek Naik Taraf Taman Rekreasi Tanjung Aru, Kota Kinabalu pada 11 Julai 2025 sekitar pukul 3.00 petang.

Dalam lawatan tersebut, YB Tuan Nga Kor Ming telah mendengar taklimat berkaitan projek berkenaan yang disampaikan oleh Dr. Mazifah Simis, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Jabatan Landskap Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Projek Naik Taraf Taman Rekreasi Tanjung Aru ini melibatkan kos sebanyak RM500,000 yang disalurkan oleh Jabatan Landskap Negara, KPKT dan telah berjaya disiapkan sepenuhnya dalam tempoh tiga (3) bulan, iaitu bermula dari Ogos 2024 hingga November 2024.

Turut hadir dalam lawatan tersebut ialah YB Datuk Phoong Jin Zhe, Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan Sabah merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) N.21 Luyang; YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, JP, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu; YBhg. Datuk Sr. Liffred Wong, Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK); Encik Robert Lipon, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Operasi) DBKK; serta Puan Darna Badawi, Pengarah Jabatan Landskap DBKK.

Selain itu, YB Tuan Nga Kor Ming turut menandatangani plak perasmian taman serta menanam pokok *Tabebuia pentaphylla* (Tekoma) sebagai simbolik pelancaran taman sebelum mengadakan sesi lawatan di sekitar kawasan taman berkenaan.

Menerusi Program Sentuhan Kasih KPKT 3.0, YB Tuan Nga Kor Ming turut mengadakan lawatan ke PR1MA Residensi Menggatal dan Kepayan Square. Program pada hari tersebut telah diakhiri dengan kehadiran beliau ke Majlis Penyerahan Peruntukan Penyelenggaraan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI).



LAWATAN KE DBKK

31 JULAI 2025



Kunjungan Rasmi Brahma Kumaris ke DBKK

5 OGOS 2025



Lawatan Kerja Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa (PLAN Malaysia Melaka) dan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) ke DBKK

25 OGOS 2025



Lawatan Kerja Majlis Perbandaran Kubang Pasu, Kedah Darul Aman ke DBKK

LAWATAN KE DBKK

19 OGOS 2025



Kunjungan Hormat Sabah Creative Economy and Innovation Centre (SCENIC)

28 OGOS 2025



Lawatan Kerja Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) ke DBKK

3 SEPTEMBER 2025



Lawatan Kerja Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, Majlis Perbandaran Batu Pahat ke DBKK

4 SEPTEMBER 2025



Kunjungan Hormat Jabatan Bantuan Guaman Negeri Sabah ke DBKK

4 SEPTEMBER 2025



Kunjungan Hormat Persatuan Jurutera Perunding Cawangan Sabah - Association of Consulting Engineers (ACEM) ke DBKK

10 SEPTEMBER 2025



Lawatan Kerja Majlis Bandaraya Seremban ke DBKK

8 OKTOBER 2025



Lawatan Sambil Belajar Majlis Perbandaran Muar ke DBKK

9 OKTOBER 2025



Kunjungan Hormat CPS Management Corporation ke DBKK

16 OKTOBER 2025



Kunjungan Hormat Rotary Pearl ke DBKK

7 NOVEMBER 2025



Lawatan Kerja Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan ke DBKK

5 DISEMBER 2025



Lawatan Sambil Belajar Majlis Perbandaran Pengerang ke DBKK

11 DISEMBER 2025



Lawatan Penanda Aras Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) ke DBKK

15 DISEMBER 2025



Lawatan Kerja Majlis Bandaraya Seremban ke DBKK

16 DISEMBER 2025



Kunjungan Hormat Malaysia Airports Berhad (MAB) - Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (LTABKK) ke DBKK

KUNJUNGAN HORMAT KONSUL JENERAL REPUBLIK RAKYAT CHINA BAHARU

Hubungan erat antara Kota Kinabalu dan Republik Rakyat China memasuki fasa baharu dengan kunjungan hormat Konsul Jeneral China yang baharu, Dr. Zhu Xinglong, ke Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) pada 22 Julai 2025. Kunjungan sulung beliau bersama pegawai-pegawai Konsulat ini menandakan kesinambungan komitmen kedua-dua pihak dalam memperkasa kerjasama strategik di pelbagai peringkat.

Menerima kunjungan tersebut, YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, JP, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu merakamkan penghargaan atas sokongan berterusan Konsulat China terhadap agenda pembangunan Kota Kinabalu sebagai sebuah bandar raya yang inklusif, progresif dan mampan. Pertemuan ini turut menjadi medan untuk menelusuri potensi baharu dalam bidang pelancongan, pelaburan ekonomi, pendidikan, teknologi, serta pemeraksanaan budaya dan komuniti.

Satu perkembangan yang menarik perhatian ialah hasrat bersama untuk memperkukuh hubungan *sister city* antara Kota Kinabalu dengan bandar raya di China. Langkah ini dilihat sebagai pemangkin penting dalam memperluas dimensi kerjasama dua hala yang saling menguntungkan sekali gus meletakkan Kota Kinabalu dalam jaringan bandar raya antarabangsa yang lebih dinamik.

Dengan semangat diplomasi bandar raya yang semakin matang, hubungan yang terjalin ini diyakini akan terus memperkayakan inisiatif pembangunan DBKK ke arah persekitaran urban yang lebih lestari, berdaya huni dan berdaya saing di persada global.



KUNJUNGAN HORMAT KONSULAT JENDERAL REPUBLIK KOREA

Komitmen DBKK dalam mengembangkan sayap kerjasama antarabangsa diteruskan dengan kunjungan hormat daripada Konsulat Jenderal Republik Korea (KCG) Kota Kinabalu pada 19 Disember 2025. Delegasi yang diketuai oleh Konsul Jeneral, Encik Choi Bongkyu, hadir dengan misi untuk memperkenalkan barisan kepimpinan baharu KCG di samping memperkukuh hubungan dua hala yang telah lama terjalin.

Pertemuan yang berlangsung dalam suasana mesra ini menyaksikan YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, JP, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu bersama pihak KCG meneliti beberapa agenda utama demi kemajuan bersama. Antara perkara yang menjadi tumpuan ialah usaha berterusan dalam memastikan aspek keselamatan dan kesejahteraan bandar raya sentiasa berada pada tahap tertinggi.

Mengorak langkah lebih jauh, perbincangan turut meneroka peluang-peluang baharu dalam bidang ekonomi, pelancongan, pembangunan modal insan dan program komuniti. Kesemua ini selaras dengan aspirasi Kota Kinabalu untuk terus melonjak sebagai sebuah bandar raya bertaraf antarabangsa yang berdaya saing, inklusif dan lestari.

DBKK merakamkan penghargaan atas komitmen berterusan Konsulat Jenderal Republik Korea. Kunjungan hormat ini merupakan satu batu loncatan penting dalam mengeratkan jaringan kerjasama antara Kota Kinabalu dan Republik Korea demi kepentingan bersama serta kesejahteraan masyarakat serantau.



KUNJUNGAN HORMAT KONSULAT JENDERAL REPUBLIK INDONESIA (KJRI)

Semangat keserumpunan dan hubungan erat antara Kota Kinabalu dan Indonesia terus diperkukuh menerusi kunjungan hormat Konsulat Jenderal Republik Indonesia (KJRI) Kota Kinabalu ke DBKK pada 18 Disember 2025. Kunjungan ini terasa lebih istimewa kerana ia turut menjadi pentas memperkenalkan kepimpinan baharu KJRI di bawah Konsul Jenderal Bapak Noorman Effendi.

YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, *JP*, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu mengalu-alukan kehadiran delegasi KJRI dengan penuh kemesraan. Suasana pertemuan dimanfaatkan sepenuhnya untuk bertukar pandangan secara konstruktif mengenai hala tuju



kerjasama sedia ada, dengan fokus kepada usaha penambahbaikan dan pengukuhan dalam pelbagai bidang strategik.



Sebagai pintu masuk utama ke Sabah, Kota Kinabalu memainkan peranan penting dalam menarik pelabur dan pelancong dari Indonesia serta rantau Asia Tenggara. Justeru, perbincangan turut menyentuh potensi kerjasama dalam ekonomi, pelaburan, pembangunan bandar mampan dan pelancongan. Tidak ketinggalan, isu-isu kepentingan bersama seperti pendidikan, pembangunan modal insan, tadbir urus bandar, serta perancangan keselamatan dan kesejahteraan komuniti turut diberi perhatian serius.

DBKK menyambut baik komitmen padu KJRI dalam merealisasikan kerjasama dua hala yang lebih strategik dan berimpak tinggi. Diharapkan kunjungan bermakna ini akan terus mengeratkan hubungan antara Kota Kinabalu dan Republik Indonesia demi kemakmuran bersama dan kesejahteraan masyarakat di kedua-dua belah pihak.



SAMBUTAN HARI PAHLAWAN PERINGKAT NEGERI SABAH TAHUN 2025, DOA DAN INGATAN BUAT WIRA NEGARA



Sambutan Hari Pahlawan Peringkat Negeri Sabah Tahun 2025 yang diadakan pada 31 Julai 2025 telah berlangsung dengan penuh istiadat dan jiwa patriotik, sekali gus mengukir detik bersejarah di Dataran Kawad, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sabah.

Keberangkatan tiba Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Panglima (Dr.) Musa bin Haji Aman, Yang di-Pertua Negeri Sabah disambut oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah, sebelum menerima tabik hormat daripada pasukan Kawalan Kehormatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kontinjen Sabah sebagai simbol penghargaan tertinggi kepada kepimpinan negeri dan jasa pasukan keselamatan.

Majlis dimulakan dengan acara menaikkan Jalur Gemilang dan Bendera Negeri Sabah, disusuli dengan nyanyian penuh semangat lagu Negaraku dan Sabah Tanah Airku. Upacara ini kemudian diteruskan dengan Tiupan Paluan Akhir "The Last Post" dan bertafakur selama 30 saat sebagai tanda penghormatan yang mendalam kepada wira-wira negara yang telah gugur dalam mempertahankan kedaulatan tanah air tercinta.

Suasana penuh semangat turut diserikan dengan penyertaan 14 kontinjen perbarisan yang terdiri daripada pelbagai agensi penguat kuasa, badan kerajaan serta institusi pendidikan yang melambangkan penyatuan rakyat dalam mengenang jasa perajurit tanah air.

Antara intisari sambutan ialah Lintas Hormat daripada Pesara PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Persembahan Koir daripada PERKEP dan BAKAT yang menyampaikan lagu patriotik "Pahlawan Ku", Persembahan Khas gabungan Pancaragam PDRM dan ATM, serta

persembahan pantomim menyentuh hati bertajuk "Tanduo: Titisan Darah di Bumi Merdeka", mengangkat kisah perjuangan perwira negara dalam mempertahankan tanah air tercinta. Acara ini diakhiri dengan deklamasi sajak bertajuk "Mekar di Hati Pahlawanku", menyemarakkan semangat cinta negara di sanubari para hadirin.

TYT Yang di-Pertua Negeri Sabah turut meluangkan masa menyantuni dan menyampaikan sumbangan kepada keluarga anggota keselamatan yang terkorban dalam insiden berdarah di Tanduo, tahun 2013 sebagai simbol penghargaan yang abadi terhadap pengorbanan mereka.

Sambutan kemudian melabuhkan tirainya dengan tiupan 'Rouse' oleh PDRM serta istiadat menaikkan semula Jalur Gemilang dan Bendera Negeri Sabah menandakan iltizam yang terus berkobar dalam mempertahankan maruah dan kedaulatan negara.

Turut hadir memeriahkan sambutan ialah YB Datuk Seri Panglima Haji Kadzim Haji M. Yahya, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah; YB Menteri-menteri Kabinet Negeri Sabah; YB Datuk Seri Panglima Surveyor Haji Safar bin Untong, Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah; YBhg. Dato' Seri Haji Rosli bin Isa, Setiausaha Persekutuan Sabah; YDH Datuk Jauteh bin Dikun, Pesuruhjaya Polis Kontinjen Sabah dan YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, JP, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu merangkap Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pelaksana Sambutan Hari Pahlawan Peringkat Negeri Sabah 2025; YBhg. Mejar Jeneral Dato' Hj. Noorru Azril Ariffin, Panglima 5 Divisyen; YBhg. Laksamana Madya Dato' Khir Junaidi bin Idris, Panglima Armada Timur dan YBhg. Mejar Jeneral Dato' Norli Hisham bin Alwi, TUDM Panglima Wilayah.

Dalam pada itu, sempena sambutan bermakna ini, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dengan kerjasama Badan Bahasa dan Sastera Sabah (BAHASA) telah menganjurkan Pertandingan Menulis Puisi Sambutan Hari Pahlawan Negeri Sabah 2025. Tiga karya yang mengangkat semangat kepahlawanan dan pengorbanan turut diumumkan dalam majlis ini sebagai pemenang utama iaitu "Api yang Tak Pernah Reda" oleh Christine Stephen Isat, "Bisikan dari Dalam Tanah" oleh Beathres Petrus, dan "Aku Isteri Pahlawan" oleh Edziani Nabila.

Semangat perjuangan dan pengorbanan perwira tanah air akan terus mekar dalam ingatan rakyat Malaysia. Semoga roh mereka dicucuri rahmat dan perjuangan mereka menjadi ilham kepada generasi kini dan akan datang. Selamat Menyambut Hari Pahlawan 2025.

Wira Dikenang, Negara Dijulang!

Majlis Pelancaran BULAN KEBANGSAAN HARI SABAH DAN KEMPEN KIBAR BENDERA 2025



KIBARAN JALUR GEMILANG, BENDERA NEGERI SABAH SEMARAK SEMANGAT PATRIOTISME SEMPENA MAJLIS PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN HARI SABAH DAN KEMPEN KIBAR BENDERA 2025

Warna warni kibaran Jalur Gemilang dan Bendera Negeri Sabah telah menyemarakkan lagi semangat patriotisme bersempena dengan Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan Hari Sabah dan Kempen Kibar Bendera 2025, yang berlangsung di The Magellan Sutera Resort, pada 1 Ogos 2025.

Nilai patriotisme turut dizahirkan menerusi kehadiran pelbagai lapisan masyarakat yang bersatu dalam suasana penuh bangga dan harmoni, sambil diiringi alunan lagu patriotik.

Majlis ditambah seri dengan kehadiran YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah. Dalam ucapan perasmian, beliau berkata, perpaduan rakyat pelbagai kaum dan agama di negeri ini merupakan kunci utama kepada kekuatan dan kemakmuran Sabah yang berterusan.

Dalam majlis ini, YAB Ketua Menteri telah menyempurnakan acara pengagihan bendera kepada 30 jabatan dan agensi-agensi kerajaan negeri dan persekutuan serta wakil persatuan yang hadir.

Hadir sama ialah YB Datuk Seri Panglima Haji Kadzim Haji M.Yahya, Speaker DUN Sabah; YB Timbalan-timbalan Ketua Menteri Sabah; YB Datuk Seri Panglima Haji Masidi Manjun, Menteri Kewangan Negeri Sabah selaku Pengerusi Jawatankuasa Induk Sambutan Majlis Hari Kebangsaan Hari Sabah Tahun 2025; YB Menteri-menteri Kabinet Negeri Sabah; YB Datuk Seri Panglima Sr. Haji Safar bin Untong,



Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah; YBhg. Dato' Seri Haji Rosli bin Isa, Setiausaha Persekutuan Sabah; YB Timbalan-timbalan Speaker DUN Sabah; YB Pembantu-pembantu Menteri Negeri Sabah; YBhg. Datuk Mohd Sofian Alfian Nair, JP, Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan Negeri Sabah selaku Pengerusi Pelaksana Sambutan Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan Hari Sabah dan Kempen Kibar Bendera Tahun 2025 dan YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, JP, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Sambutan Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan Hari Sabah dan Kempen Kibar Bendera Tahun 2025.

Majlis diteruskan dengan Simbolik Penyerahan Jalur Gemilang dan Bendera Sabah kepada Puan Jainisah Mohd Noor, Pengarah Jabatan Penerangan Negeri Sabah selaku Ketua Konvoi Kembara Merdeka Jalur Gemilang (KMJG) 2025, sekali gus menyempurnakan 'Flag-Off' Kembara Merdeka Jalur Gemilang (KMJG) 2025.

KMJG 2025 yang melibatkan sebanyak 20 buah kenderaan dan 60 peserta daripada pelbagai agensi akan memulakan pengembaraan sejauh 2,500KM, ke seluruh pelosok negeri Sabah dengan membawa mesej penyatuan rakyat sekali gus menyemarakkan lagi semangat kemerdekaan.

Kehadiran seramai 50 pelajar sekolah daripada SM Stella Maris, SM Maktab Sabah, SMK Sanzac, SMK Perempuan Likas dan SM St. Francis Convent turut memeriahkan lagi suasana di sekitar majlis ini.



MAJLIS SAMBUTAN MA'AL HIJRAH DAN MAHRAJAN KESENIAN ISLAM PERINGKAT BANDARAYA KOTA KINABALU 1447H/2025M

Majlis Sambutan Ma'al Hijrah dan Mahrajan Kesenian Islam (Kompang, Nasyid, Marhaban dan Barzanji) Peringkat Bandaraya Kota Kinabalu 1447H/2025M telah berlangsung dengan penuh meriah, di KK Sentral, pada 18 Ogos 2025.

Penganjuran majlis ini adalah hasil kerjasama Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) bersama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) dengan bantuan Badan Dakwah Bandaraya Kota Kinabalu dan PUSPANITA Cawangan Daerah Kota Kinabalu.

Majlis telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, JP, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu yang hadir bersama isteri YBhg. Datin Sri Hajah Adreen Aderizza binti Mohamad Soffi, selaku Pengerusi PUSPANITA Cawangan Daerah Kota Kinabalu.

Dalam ucapan perasmian, Dato' Sri Mayor berkata, kesenian Islam bukan sekadar hiburan, bahkan merupakan dakwah halus yang menyentuh hati nurani, menyemai rasa cinta kepada Allah dan Rasul serta menyatukan masyarakat melalui seni yang beradab dan penuh makna.

Tirai majlis dibuka dengan sesi Tazkirah Khas Ma'al Hijrah yang disampaikan oleh Sohibil Fadilah Ustaz Abdul Razak bin Hamdin, Timbalan Mufti Negeri Sabah dan persembahan Mahrajan Kesenian Islam.



Majlis diteruskan dengan sesi Penyampaian Hadiah Pertandingan Mahrajan Kesenian Islam (Kompang, Nasyid, Marhaban dan Barzanji) dan Anugerah Tokoh Ma'al Hijrah Bandaraya Kota Kinabalu Tahun 1447H/2025M. Berikut adalah senarai penuh penerima:

ANUGERAH TOKOH MA'AL HIJRAH BANDARAYA KOTA KINABALU TAHUN 1447H/2025M

Tokoh Ma'al Hijrah (Lelaki)

Haji Syed Husin bin Habib Omar

Anugerah Saidatina Khadijah (Wanita)

Datuk Dr. Hajah Suzain Datuk Haji Suhaimi

Anugerah Khalid Ibn Al-Walid (Belia)

Abqaree Fawwaz Abekan

Anugerah Fatimah Az-Zahrah (Beliawanis)

Norfariah Izzati Azzahra binti Adnan

Anugerah Abdul Rahman Auf (Usahawan)

Datuk Haji Awang Sham bin Amit@Amat

PERTANDINGAN MAHRAJAN KESENIAN ISLAM

Juara Nasyid Lelaki

Kumpulan Andika

Juara Nasyid Wanita

Kumpulan Nur Husna

Juara Marhaban dan Barzanji

Muslimah Surau Ibnu Saman Kg. Darau Menggatal

Hadir sama memeriahkan majlis ialah Encik Karim bin Haji Rahim, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pembangunan Luar Bandar dan Penguatkuasaan), DBKK selaku Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Majlis; Puan Faradilla binti Haji Abdul Rani, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Khidmat Pengurusan), DBKK; Ustaz Masnor Manshor, Pegawai Tadbir Agama, JHEAINS mewakili Pengarah JHEAINS dan Encik Jimon Jahim, Pengarah Eksekutif DBKK Holdings Sdn. Bhd.

Jadikan semangat Ma'al Hijrah sebagai dorongan dalam memperkukuhkan ukhuwah, meningkatkan amal ibadah ke arah menjadikan Kota Kinabalu sebagai bandar raya sejahtera dan harmoni.





SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN HARI SABAH 2025 DIRAI MERIAH DENGAN SEMANGAT PATRIOTIK

Cuaca panas terik tidak mematahkan semangat sekitar 50,000 pengunjung yang hadir menyaksikan momen bersejarah diukir di Jalan Tun Fuad Stephens bersempena dengan Sambutan Hari Kebangsaan Hari Sabah 2025, pada 31 Ogos 2025.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Panglima (Dr.) Musa bin Haji Aman, Yang di-Pertua Negeri Sabah bersama isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datin Seri Panglima Datuk Hajah Faridah binti Haji Tussin, dan diiringi oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah serta isteri, Yang Amat Berbahagia Datin Seri Panglima Datuk Hajah Julia Salag.

Tirai majlis dibuka dengan perarakan masuk Kawalan Kehormatan Utama (KKU) Tentera Darat Malaysia daripada Batalion Ketiga Rejimen Askar Melayu Diraja yang diketuai oleh Mejar Luqman Hakim bin Sahar dengan kekuatan anggota seramai tiga (3) pegawai dan 103 anggota lain-lain pangkat.

Sambutan disemarakkan lagi dengan nyanyian lagu-lagu patriotik yang dibawakan oleh kumpulan koir Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), dengan ribuan pengunjung yang hadir dilihat turut sama menyanyi.

Majlis kemudian diteruskan dengan acara yang paling dinanti-nantikan iaitu Acara Berjalan Lalu yang ditambah meriah dengan sorakan penuh semangat daripada seramai 300 belia di Tangga Merdeka, diselenggarakan oleh Majlis Belia Sabah (MBS).



Acara berjalan lalu menyaksikan sebanyak 126 kontinjen perbarisan berarak megah di sepanjang Jalan Tun Fuad Stephens, warna-warni kepelbagaian busana kreatif, tradisi termasuk unit beruniform menjadi tumpuan ramai.

Mereka terbahagi kepada lapan kategori utama, iaitu Jabatan Kerajaan Berpakaian Seragam Rasmi, Jabatan Kerajaan Tidak Berpakaian Seragam Rasmi, Swasta, Persatuan Etnik Sabah, Pertubuhan Bukan Kerajaan, Institut Pengajian Tinggi, Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah.

Sorakan penonton semakin meriah dengan perarakan masuk 43 kontinjen kenderaan yang turut menampilkan aset-aset ketenteraan serta pelbagai jabatan dan agensi.

Turut menjadi sorotan adalah persembahan Kawad Senyap dibawakan khas oleh Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang diketuai oleh Leftenan Yusni binti Manaf dengan kekuatan anggota seramai 22 orang.

Keunikan persembahan ini mencuri tumpuan ribuan penonton yang hadir dengan kemahiran dan disiplin tinggi yang dipamerkan, di mana demonstrasi kawad kaki dilakukan dengan hanya isyarat visual tanpa menggunakan arahan suara.

Tirai Sambutan Hari Kebangsaan Hari Sabah 2025 dilabuhkan dengan persembahan khas bertajuk "Malaysia Madani: Rakyat Disantuni" yang merupakan hasil olahan Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah (LKNS), yang turut menampilkan barisan artis-artis tempatan serta kumpulan kesenian seperti Borneo Art, ARTUMS, NGALAYS dan PRAPS.

Gerak tari dan penggunaan warna-warna Jalur Gemilang dalam elemen tarian merupakan terjemahan semangat keharmonian dan kesatuan rakyat di negeri ini.

Keterujaan dan semangat jiwa merdeka jelas terpancar pada riak wajah hadirin yang membanjiri segenap sudut di Jalan Tun Fuad Stephens, menjadi cerminan kepada rasa cinta kepada negara!



SAMBUTAN KRISMAS PERINGKAT NEGERI SABAH 2025

Sambutan Krismas Peringkat Negeri Sabah 2025 melakar satu sejarah penting apabila penganjurannya memasuki tahun ke-20 sejak mula diperkenalkan, dan buat pertama kalinya diangkat secara rasmi ke peringkat Negeri Sabah.

Pencapaian ini mencerminkan perkembangan berterusan sambutan ini sebagai platform yang menyatukan masyarakat dalam suasana harmoni, saling menghormati dan penuh kebersamaan.

Berlangsung dari 16 hingga 19 Disember 2025 di Padang Merdeka, Kota Kinabalu, sambutan ini dianjurkan di bawah kerajaan negeri Sabah melalui Kementerian Perindustrian, Keusahawanan dan Pengangkutan Sabah. Penganjuran ini dikendalikan oleh Jawatankuasa Penganjur yang diketuai oleh YBhg. Datuk Ewon Benedick, Timbalan Ketua Menteri III Sabah merangkap Menteri Perindustrian, Keusahawanan dan Pengangkutan Sabah, manakala YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, JP, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu, bertindak sebagai Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pelaksana bersama pihak gereja (Sabah Council of Churches, SCC).

Sebagai acara berskala negeri, sambutan ini bukan sahaja menjadi perayaan keagamaan, tetapi juga berperanan sebagai platform pertemuan masyarakat daripada pelbagai latar belakang untuk berkongsi kegembiraan dan memperkukuh semangat perpaduan.

Mengangkat tema "Hope for Peace, In Love", sambutan ini menekankan mesej bahawa keamanan dan keharmonian bermula dengan kasih sayang, saling memahami serta sikap menghormati antara satu sama lain dalam kehidupan bermasyarakat.

Majlis perasmian sambutan ini telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Panglima (Dr.) Musa bin Haji Aman, Yang di-Pertua Negeri Sabah. Sambutan ini turut diserikan dengan kehadiran Yang Amat Berhormat

Ketua Menteri Sabah, serta wakil-wakil kerajaan negeri, tokoh-tokoh agama, wakil komuniti, dan rakan-rakan strategik daripada pelbagai agensi.

Sepanjang empat (4) malam penganjuran, sambutan ini diraikan dalam suasana penuh kemeriahan menerusi pelbagai pengisian yang bersifat inklusif dan mesra rakyat. Antara pengisian sepanjang sambutan ini diadakan adalah termasuk penyampaian sumbangan kepada Badan Kebajikan dan Kanak-Kanak, persembahan koir Krismas, persembahan kebudayaan dan komuniti, nyanyian artis jemputan, persembahan muzik rohani, serta program-program yang membawa mesej keamanan, kasih sayang dan kebersamaan.

Buat pertama kalinya, Majlis Jamuan Bersama Rakyat telah dianjurkan, dengan penyediaan jamuan dilaksanakan melalui penglibatan 111 gerai penjaja. Inisiatif ini menjadi antara pengisian utama sambutan, menyediakan ruang kebersamaan kepada orang ramai untuk berkumpul dan menikmati suasana perayaan dalam semangat keterangkuman.

Sepanjang tempoh penganjuran, sambutan ini telah menarik kehadiran kira-kira 50,000 pengunjung, melibatkan penduduk di sekitar Bandaraya Kota Kinabalu khususnya, serta pengunjung dari pelbagai daerah di Negeri Sabah secara amnya, sekali gus memperlihatkan daya tarikan sambutan ini sebagai acara berskala negeri.

Secara keseluruhannya, Sambutan Krismas Peringkat Negeri Sabah 2025 bukan sekadar sebuah perayaan tahunan, malah berfungsi sebagai wadah kebersamaan, pemangkin interaksi sosial serta simbol keharmonian yang mencerminkan kekuatan masyarakat majmuk di Negeri Sabah.

Kejayaan penganjuran tahun ke-20 ini mengukuhkan kedudukannya sebagai acara berskala negeri yang terus relevan dan bermakna untuk diteruskan pada masa hadapan.



SAMBUTAN PERAYAAN KRISMAS GABUNGAN MANGGATAL-INANAM 2025 DISEMARAKKAN MENERUSI TEMA “MENGASIHI SESAMA”

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dengan kerjasama Majlis Gereja-Gereja Manggatal (MGGM) dan Majlis Gereja-Gereja Inanam (MGGI) telah menganjurkan Sambutan Perayaan Krismas Gabungan Manggatal-Inanam 2025, di Dewan Masyarakat Manggatal, pada 5 hingga 7 Disember 2025.

Membawa tema “Mengasihi Sesama”, sambutan pada kali ini menekankan mesej bahawa kasih yang tulus dizahirkan menerusi tindakan, iaitu dengan saling membantu serta memupuk hubungan harmoni dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum dan agama.

Majlis perasmian sambutan ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Ts. Mustapha Sakmud, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi merangkap Ahli Parlimen P.171 Sepanggar. Sebagai tanda keprihatinan bersempena dengan perayaan Krismas, beliau turut menyampaikan sumbangan wang tunai dan bakul makanan kepada wakil gereja-gereja di kawasan Sepanggar.

Turut hadir ialah Encik Robert Lipon, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), DBKK mewakili Mayor Bandaraya Kota Kinabalu; Penatua Jabid Timbangan, Setiausaha Eksekutif Majlis Gereja-Gereja Sabah (SCC) mewakili Presiden Majlis



Gereja-Gereja Sabah (SCC); Reverend Sabry Daniel, Pengerusi MGGM merangkap Paderi Penguasa, Gereja Anglikan Manggatal & Gereja Anglikan Telipok; Pastor Bios Solingkin, Pengerusi MGGI merangkap Pastor Gereja SIB Metro, City Mall; Penatua Profesor Dr. Jidon Janaun, Pengerusi Pelaksana Bersama Sambutan Perayaan Krismas Gabungan Manggatal-Inanam 2025 dan Puan Ivylena Rubbin Guribah, Pengerusi Pelaksana Bersama Sambutan Perayaan Krismas Gabungan Manggatal-Inanam 2025.

Sambutan selama tiga (3) hari ini diraikan dalam suasana penuh kebersamaan yang diterjemahkan menerusi penganjuran pelbagai aktiviti dan persembahan-persembahan hiburan. Orang ramai yang hadir juga berpeluang menyertai Cabutan Berkat, selain melawat ke gerai-gerai jualan termasuk Jualan Rahmah yang diadakan di pekarangan dewan.

KARNIVAL PERAYAAN KRISMAS INANAM 2025, SEMAI NILAI KEHARMONIAN DAN PERPADUAN DALAM KALANGAN MASYARAKAT

Dalam memaknai tema “Saved By Grace”, Karnival Perayaan Krismas Inanam 2025 telah berlangsung dalam suasana penuh meriah bagi meraikan semangat keharmonian dan perpaduan dalam kalangan masyarakat, di Pekan Inanam, pada 20 dan 21 Disember 2025.

Karnival yang berlangsung selama dua (2) hari ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Joniston Bangkuai, Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) N.15 Kiulu dan merupakan

anjuran Majlis Gereja-Gereja Inanam (MGGI) bersama Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK).

Hadir sama dalam majlis ini ialah YB Datuk Johnny Goh, mantan ADUN Inanam merangkap Presiden Persatuan Sino Kadazan Dusun Murut (Sino KDM) Sabah; Encik Victor Gerard Kuasi, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pengurusan Kewangan), DBKK mewakili Mayor Bandaraya Kota Kinabalu; Pastor Nickson Majiau, Ahli Exco Majlis Gereja-Gereja Sabah (SCC) mewakili Presiden SCC; Pastor Bios Solingkin, Pengerusi Majlis Gereja-Gereja Inanam (MGGI) merangkap Pastor SIB Metro City Mall dan Reverend Sabry Daniel, Pengerusi Majlis Gereja-Gereja Manggatal (MGGM) merangkap Paderi Penguasa, Gereja Anglikan Manggatal & Gereja Anglikan Telipok.

Sepanjang karnival ini berlangsung, antara kumpulan yang telah membuat persembahan ialah Gabungan Gereja-gereja Inanam; Gereja Basel Christian Church of Malaysia (BCCM), Sepanggar; Gereja PCS Manggatal; Gereja Roman Catholic St. Catherine, Inanam; Gereja Baptis Kionsom, Inanam; Gereja Seventh-Day Adventist (SDA); Gereja Anglikan Kristus Bangkit, Inanam dan Borneo Praise Music.

Persembahan nyanyian istimewa daripada artis-artis tempatan, iaitu Pasqueletta Joan dan Marlleynney Fane Pau, telah disambut penuh meriah oleh pengunjung yang hadir.

Sepanjang dua hari Karnival Perayaan Krismas Inanam 2025, orang ramai yang hadir juga tidak melepaskan peluang untuk mengambil bahagian dalam Cabutan Berkat dan penyampaian Hadiah Krismas dan Bakul Makanan.

Semoga penganjuran Karnival Perayaan Krismas Inanam 2025 ini terus menjadi wadah dalam menyemai nilai keharmonian dalam kalangan masyarakat.



MAJLIS MAKAN MALAM PERSIDANGAN PEGAWAI-PEGAWAI DAERAH NEGERI SABAH KALI KE-28 TAHUN 2025

Tirai Persidangan Pegawai-Pegawai Daerah Negeri Sabah Kali Ke-28 Tahun 2025 dilabuhkan dengan Majlis Makan Malam anjuran Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), di Shangri-La Tanjung Aru Resort pada 12 September 2025.

Majlis ini disempurnakan dengan kehadiran YB Datuk Seri Panglima Jahid Jahim, Menteri Pembangunan Luar Bandar Sabah. Dalam ucapannya, beliau memaklumkan bahawa persidangan pada kali ini telah menghasilkan beberapa resolusi yang akan dibukukan untuk perhatian pengurusan tertinggi Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).

Beliau turut menegaskan bahawa pemantauan rapi perlu dilaksanakan agar resolusi yang dirumuskan tidak sekadar kekal sebagai dokumen, sebaliknya dapat diterjemahkan kepada tindakan dan pencapaian nyata di lapangan.

Turut hadir memeriahkan majlis ialah YB Datuk Samad bin Jambri@Jamri, Pembantu Menteri II KPLB; YBhg. Datuk Hajah Myrna Jimenez, Setiausaha Tetap KPLB; Encik Karim bin Haji Rahim, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pembangunan Luar Bandar dan Penguatkuasaan), DBKK mewakili Mayor Bandaraya Kota Kinabalu selaku penganjur majlis; Puan Patricia Vain, Timbalan Setiausaha Tetap (Pengurusan), KPLB; Puan Faradillah binti Haji Abdul Rani,



Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Khidmat Pengurusan), DBKK merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerja Majlis; Encik Norsafi bin Haji Dukah, Timbalan Setiausaha Tetap (Pembangunan), KPLB; serta Ar. Tressie Yap Chui Kie, Ahli Lembaga Penasihat DBKK.

Sebagai simbolik komitmen bersama memperkukuh pentadbiran daerah, majlis turut menyaksikan Penyerahan Resolusi kepada YB Menteri yang disempurnakan oleh Wakil Pegawai Daerah, Encik Firuz Idzualdeen @ Benetty bin Mohd. Dzul, Pegawai Daerah Lahad Datu.

Terdahulu, Persidangan Pegawai-Pegawai Daerah Negeri Sabah Kali Ke-28 Tahun 2025 bertemakan “Daerah Maju, Rakyat Sejahtera” telah berlangsung dengan jayanya pada 11 dan 12 September 2025. Penganjuran Majlis Makan Malam ini merupakan acara kemuncak persidangan dan menjadi wadah pengukuhan ukhuwah serta semangat kebersamaan dalam kalangan pegawai daerah.

MAJLIS PEMAKAIAN KETANDAAN PANGKAT PENGURUSAN TERTINGGI DAN PERHIMPUNAN JABATAN PENGUATKUASAAN DBKK SIRI 2/2025

Majlis Pemakaian Ketandaan Pangkat Pengurusan Tertinggi dan Perhimpunan Jabatan Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) Siri 2/2025 telah diadakan di KK Sentral, pada 26 September 2025.

Majlis telah disempurnakan oleh YBhg. Dato’ Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, *JP*, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu. Dalam ucapannya, beliau menyeru kepada semua anggota untuk terus menunaikan amanah dengan penuh komitmen, menjunjung disiplin, menjaga imej, melaksanakan tugas dengan integriti serta memastikan tugas lapangan sentiasa menjadi keutamaan.

Dalam majlis yang sama, Dato’ Sri Mayor telah menyempurnakan pemakaian ketandaan pangkat kepada Puan Faradillah binti Haji Abdul Rani, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Khidmat Pengurusan), DBKK dan Encik Victor Gerard Kuasi, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pengurusan Kewangan), DBKK.

Hadir dalam majlis ini ialah Encik Karim bin Haji Rahim, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pembangunan Luar Bandar dan Penguatkuasaan), DBKK; Encik Mohd. Haniff bin Haji Abdullah, Pengarah Jabatan Penguatkuasaan, DBKK dan Encik Jimon Jahim, Pengarah Eksekutif DBKK Holdings Sdn. Bhd.

Penganjuran majlis ini bertujuan untuk menzahirkan penghargaan kepada pegawai yang menerima kenaikan pangkat, selain menjadi wadah penting bagi

memperbaharui iltizam, menyemai kesedaran serta mengukuhkan semangat kebersamaan seluruh penguat kuasa dalam melaksanakan amanah yang telah dipertanggungjawabkan.



HARI BERTEMU PELANGGAN DBKK 2025, KE ARAH PENINGKATAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN



Dalam usaha memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menganjurkan Hari Bertemu Pelanggan DBKK 2025, bertempat di pekarangan Bangunan DBKK pada 4 Oktober 2025.

Program yang berlangsung dari 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari ini memberi peluang kepada orang awam untuk berinteraksi secara langsung dengan barisan Pengurusan Tinggi DBKK bagi menyalurkan aduan serta cadangan penambahbaikan terhadap mutu perkhidmatan DBKK.

Hadir dalam program ini ialah YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, JP, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu bersama isteri, YBhg. Datin Sri Hajah Adreen Aderizza binti Mohamad Soffi, selaku Pengerusi PUSPANITA Cawangan Daerah Kota Kinabalu; YBhg. Datuk Sr. Lifred Wong, Ketua Pengarah, DBKK; Timbalan-timbalan Ketua Pengarah, DBKK; Ketua-ketua Jabatan, DBKK dan Encik Jimon Jahim, Pengarah Eksekutif DBKK Holdings Sdn. Bhd.

Turut membuka kaunter bersempena dengan Hari Bertemu Pelanggan DBKK 2025 ialah agensi-agensi seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Perkhidmatan Pementungan Sabah (JPPS), Sabah Electricity (SE) serta syarikat konsesi, iaitu Globinaco Sdn. Bhd. dan Pembinaan Kekal Mewah Sdn. Bhd.



Kehadiran lebih 500 pengunjung telah memenuhi pekarangan Bangunan DBKK, di mana mereka mengunjungi kaunter aduan serta menyelesaikan bayaran kompaun bersempena dengan Pengampunan Kompaun Tempat Letak Kereta & Lalu Lintas DBKK yang telah dilanjutkan hingga 5 Oktober 2025.

Orang ramai turut mengambil peluang untuk mendaftar sebagai ahli di reruai *Smart City Friends* (SCF), di mana mereka turut menyertai aktiviti-aktiviti menarik seperti pameran interaktif dan kuiz.

Dalam penganjuran Hari Bertemu Pelanggan pada kali ini, DBKK turut mengalu-alukan penglibatan ahli *Smart City Friends*, iaitu mahasiswa daripada MSU College Sabah, bagi mencapai salah satu objektifnya iaitu mengambil bahagian dalam program kemasyarakatan DBKK.



Turut menjadi tumpuan orang ramai adalah pembukaan Kaunter eKasih di mana telah berlangsung agihan borang permohonan serta semakan pendaftaran eKasih.

Dato' Sri Mayor telah mengunjungi reruai *Smart City Friends*, di mana beliau terlebih dahulu menyampaikan hadiah cabutan bertuah kepada pengunjung yang telah mendaftar sebagai ahli *Smart City Friends* bersempena dengan Hari Bertemu Pelanggan DBKK 2025, sebelum merakam gambar kenangan bersama ahli-ahli *Smart City Friends*.

Sebelum program berakhir, Dato' Sri Mayor turut menyantuni para peniaga di Bazar Komuniti yang diadakan di Lintasan Deasoka.

Semoga penganjuran Hari Bertemu Pelanggan DBKK 2025 ini dapat menjadi pemangkin kepada perhubungan dan pengaduan awam yang lebih berkualiti dan bersifat inklusif.



KUNJUNGAN HORMAT DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU KEPADA KOMANDAN PUSAT LATIHAN RELA, JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA NEGERI SABAH

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) melalui Akademi Pusat Pembelajaran Bandaraya telah mengadakan kunjungan hormat kepada Pengarah Komandan Pusat Latihan RELA Negeri Sabah pada 14 Julai 2025.

Kunjungan hormat ini merupakan langkah awal dalam memperkukuhkan jalinan kerjasama di antara DBKK dan RELA.

Rombongan yang diketuai oleh Encik Abdul Mukti bin Haji Muchlish, Pengetua Akademi Pusat Pembelajaran Bandaraya, DBKK telah disambut penuh mesra oleh wakil komandan RELA iaitu Encik Jeklin bin Jamahal, Penolong Penguasa Kanan RELA (Ketua Unit Keselamatan) dan Encik Mohd. Najib bin Yosong, Penolong Penguasa Kanan RELA (Cawangan Persenjataan).

Kunjungan yang berlangsung dalam suasana yang konstruktif ini melibatkan perbincangan utama yang tertumpu kepada kerjasama strategik antara kedua belah pihak, khususnya mengenai penggunaan fasiliti RELA untuk aktiviti Program Latihan Asas Penguatkuasaan dan latihan-latihan yang telah mendapat pentauliahian Sijil Kemahiran Malaysia.

Selain itu, turut berlangsung perkongsian oleh Pegawai RELA yang memberi idea dan sumber ilham kepada APPB berhubung kaedah peningkatan kemahiran anggota DBKK melalui Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia. Aspek latihan menembak dan latihan T-Baton / COTA turut menjadi fokus demi memperkukuh keupayaan anggota dalam aspek taktikal dan pengurusan pasukan.

Semoga kolaborasi ini dapat dijayakan dan menjadi langkah awal ke arah pencapaian matlamat bersama untuk kecemerlangan DBKK dan Jabatan Sukarelawan Malaysia Negeri Sabah.



LAWATAN RASMI DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU KE MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah mengadakan lawatan kerja ke Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) bagi mempelajari pelaksanaan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (Anti-Bribery Management System, ABMS), pada 7 Ogos 2025.

Lawatan ini bertujuan untuk menimba pengalaman dan pengetahuan mengenai langkah-langkah berkesan yang dilaksanakan oleh MBPJ dalam usaha membanteras rasuah serta meningkatkan integriti dalam pentadbiran dan perkhidmatan awam.

Rombongan delegasi DBKK yang diketuai oleh Puan Faradillah binti Haji Abdul Rani, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Khidmat Pengurusan) telah disambut dengan penuh mesra oleh Puan Nor'ain binti Ada, Penolong Pengarah Kanan (Integriti), MBPJ.

Puan Nor'ain telah berkongsi pengalaman berkaitan cabaran dan kejayaan mereka dalam mengimplementasikan sistem berkenaan, termasuk latihan dan kesedaran yang telah dilaksanakan kepada kakitangan serta penguatkuasaan dasar anti-rasuah.

Lawatan ini bertindak sebagai platform perkongsian pengetahuan dan pengalaman dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada masyarakat. Kerjasama dan perkongsian ilmu ini diharap dapat memberi manfaat besar kepada kedua-dua pihak, sekali gus memperkukuhkan lagi hubungan di antara DBKK dan MBPJ.

Semoga inisiatif ini menjadi langkah positif ke arah pembangunan bandar yang lebih cemerlang dan berdaya saing.



LAWATAN RASMI DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU KE MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (MPS)

Dalam usaha untuk memperkukuh kerjasama dan pengetahuan dalam bidang Sistem Pengurusan Kualiti (QMS), Puan Faradillah binti Haji Abdul Rani, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Khidmat Pengurusan), Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah mengetuai satu lawatan kerja ke Majlis Perbandaran Selayang (MPS), pada 7 Ogos 2025.

Ketibaan delegasi DBKK telah disambut oleh Puan Sr. Norshima Binti Norzlan, Pengarah Penguatkuasa Dan Keselamatan Merangkap Ketua Dokumentasi ISO 9001:2015, MPS bersama pegawai-pegawai MPS.

Lawatan rasmi ini membuka ruang untuk para delegasi mempelajari sistem yang digunakan dalam pembangunan sistem kawalan dokumen yang komprehensif dan automatik sebagai satu langkah yang proaktif dan strategik.

Fungsi seperti semakan dan kelulusan automatik, kawalan semakan dokumen, senarai induk, serta notifikasi tugas tertunggak merupakan ciri-ciri yang bukan sahaja memudahkan urus tadbir dokumen, malah dapat meningkatkan kecekapan dan ketelusan organisasi.

Pengalaman dan pengetahuan yang telah dikongsi oleh pihak MPS amat berharga bagi DBKK, dalam usaha meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan tadbir urus terutama yang berkaitan dengan QMS.

Kerjasama dan hubungan baik yang terjalin ini diharap dapat diteruskan dan diperkukuh demi manfaat bersama dan pembangunan bandar yang mampan. Semoga hubungan antara DBKK dan MPS terus kekal erat dan memberi manfaat berpanjangan.



LAWATAN SAMBIL BELAJAR DBKK KE JABATAN DIGITAL, UMS, PERKUKUH JALINAN STRATEGIK DAN KOLABORASI BIDANG ICT



Dalam usaha memperkukuh jalinan strategik dan kolaborasi dalam bidang ICT dan inovasi digital, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Jabatan Digital, Universiti Malaysia Sabah, pada 6 November 2025.

Lawatan ini telah dipengerusikan oleh Ts. Effendy Hadis, Pengarah Jabatan Digital, UMS. Hadir sama ialah Profesor Dr. Ag. Asri bin Hj. Ag. Ibrahim, Ketua Pegawai Digital dan pegawai-pegawai kanan Jabatan Digital, UMS.

Sementara itu, rombongan DBKK telah diketuai oleh Puan Ng Mui Chen @ Michelle Wong, Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat dan Pendigitalan (JTMP) bersama Puan Tantinny Fung, Pengarah Jabatan Perancangan

Bandaraya (JPB) serta beberapa pegawai kanan dan kakitangan sokongan DBKK.

Antara pengisian utama lawatan ialah sesi taklimat yang disampaikan oleh Ketua-ketua Bahagian Jabatan Digital, UMS, sesi soal jawab serta lawatan ke *Cyber Fusion Center* (CUTE) dan *Green Resilient Infrastructure Data Centre* (GRID) yang menampilkan inisiatif serta infrastruktur terkini di UMS.

Lawatan ini telah membuka peluang untuk kerjasama dan perkongsian ilmu, kepakaran serta pengalaman di antara DBKK dan UMS, dalam memperkukuhkan sinergi dan keupayaan digital sekali gus menyokong agenda transformasi Bandar Pintar Kota Kinabalu.

SEMINAR KENEGARAAN MALAYSIA MADANI WARGA DBKK



1 Julai 2025



Dewan Masyarakat Kota Kinabalu



Memperkukuh kefahaman berkaitan kenegaraan, gagasan dan inisiatif Malaysia MADANI, serta cabaran penjawat awam dalam era pasca normal

Memberi input menerusi kaedah perkongsian peranan AKM dan sesi interaktif kenegaraan yang berkisarkan sejarah serta konsep Malaysia MADANI

PROGRAM KESEDARAN INTEGRITI WARGA KERJA DBKK SIRI 1/2025 DAN SIRI 2/2025



2 & 3 Julai 2025



Dewan Masyarakat Kota Kinabalu



Membanteras jenayah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan bagi meningkatkan kesedaran dan pembudayaan integriti dalam organisasi berdasarkan Pelan Anti Rasuah DBKK 2024-2026.

KURSUS PENULISAN PROFESIONAL DOKUMEN RASMI (SURAT RASMI, MEMO DAN EMEL KERAJAAN) SIRI 2/2025



7 & 8 Julai 2025



Pusat Pembelajaran Bandaraya Kota Kinabalu



Menggunakan format surat rasmi, memorandum dan emel yang betul berdasarkan Arahan Pentadbiran Ketua Pengarah MAMPU Bil. 5 Tahun 2014: Panduan Penulisan Surat Rasmi, Memo dan Emel serta Pekeliling lain yang berkaitan

Mengaplikasikan kaedah penulisan dokumen khususnya surat rasmi, memorandum dan emel berdasarkan piawaian tatabahasa Bahasa Melayu

KURSUS PEMANTAPAN PENGURUSAN TATATERTIB DAN INTEGRITI DBKK TAHUN 2025



16 & 17 Julai 2025



Hotel Horizon



Memperkukuh pengetahuan dan kefahaman pegawai penyelia serta anggota pengurusan berkaitan aspek tatatertib dalam perkhidmatan awam, selain kepentingan pengamalan integriti yang tinggi dalam pelaksanaan tugas harian

KURSUS PENULISAN PROFESIONAL DOKUMEN RASMI (SURAT RASMI, MEMO DAN EMEL KERAJAAN) SESI BERSAMA KETUA-KETUA JABATAN



21 Julai 2025



Hotel Horizon



Memberi pendedahan pelbagai konsep asas serta teknik penulisan terkini, dalam usaha memperkasakan kemahiran peserta dalam penulisan surat agar lebih profesional dan berkualiti

Mengaplikasikan kaedah penulisan dokumen khususnya surat rasmi, memorandum dan emel berdasarkan piawaian tatabahasa Bahasa Melayu

EKSPLORASI ILMU & PEMERKASAAN KOMPETENSI BERKAITAN STRATEGI KUTIPAN TUNGGAKAN CUKAI KADARAN



28 Julai - 1 Ogos 2025



Bank Islam, Subang Jaya Selangor / Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) / Menara KLCC / Majlis Bandaraya Shah Alam

Mengadakan lawatan kerja dan sesi perbincangan bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi berkaitan kewangan dan perbankan serta syarikat minyak dan gas nasional bagi meningkatkan kecekapan pegawai dalam merangka strategi kutipan hasil yang lebih berkesan

Mendapatkan input dan perkongsian amalan terbaik berkaitan strategi kutipan tunggakan cukai kadaran

KURSUS PROGRAM TRANSFORMASI MINDA SIRI 3/2025 SECARA 'IN-HOUSE'



4 - 8 Ogos 2025



Pusat Pembelajaran Bandaraya Kota Kinabalu

Memberi pendedahan kepada pegawai mengenai konsep kenegaraan, prinsip dan falsafah pembentukan negara, sistem pentadbiran kerajaan serta peraturan-peraturan asas perkhidmatan awam

KURSUS PENULISAN PROFESIONAL DOKUMEN RASMI (SURAT RASMI, MEMO DAN EMEL KERAJAAN) SIRI 3/2025



12 - 13 Ogos 2025



Pusat Pembelajaran Bandaraya Kota Kinabalu

Memberi pendedahan berkaitan format penulisan surat rasmi, memorandum dan emel yang betul selain mengaplikasikan kaedah penulisan dokumen berdasarkan penggunaan tatabahasa Bahasa Melayu yang mematuhi piawaian rasmi

Meningkatkan kefahaman dan kemahiran peserta dalam penulisan surat dengan lebih profesional dan baik.

KURSUS PEMERIKSA ASET ALIH, PEMERIKSA STOR DAN PEMVERIFIKASI STOR



25 Ogos 2025



Pusat Pembelajaran Bandaraya Kota Kinabalu

Memberi pendedahan kepada tatacara merekod, melabel dan menyimpan aset alih

Memastikan barang-barang yang terdapat di stor direkod dan disimpan mengikut prosedur yang ditetapkan serta mengesahkan ketepatan maklumat dalam dokumen stor seperti borang penerimaan, pengeluaran dan pemindahan barang

KURSUS SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2025 (ABMS) DAN IKRAR BEBAS RASUAH (IBR)



2 September 2025



Hotel Horizon

Memastikan pematuhan kepada standard ISO 37001:2025 yang bertujuan untuk mencegah, mengesan dan menangani rasuah dalam organisasi

BENGKEL PENGUKUHAN PENGURUSAN SISA MARIN



9 September 2025



Pusat Operasi Pembersihan Sampah Perairan DBKK, Sungai Darau



Memberi pendedahan teori serta latihan praktikal pengasingan sisa daripada sungai, laut dan pulau yang memberi pengalaman langsung dalam mengenal pasti komposisi sisa serta memahami kaedah pengurusan yang betul dan berkesan

BENGKEL SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH ISO 37001:2025 MODUL SISTEM OPERASI



6 & 7 Oktober 2025



Pusat Pembelajaran Bandaraya Kota Kinabalu



Memberi pendedahan kepada kepentingan pelaksanaan kawalan kewangan dan bukan kewangan sebagai langkah pencegahan terhadap penyelewengan serta salah guna kuasa

Menjelaskan tindakan organisasi dalam mengurus ketidakcukupan kawalan anti rasuah, penyediaan saluran kebimbangan serta pelaksanaan penyiasatan dan tindakan sewajarnya terhadap sebarang kes rasuah yang dikenal pasti

BENGKEL CAKNA PENGURUSAN DAN PEMANTAPAN REKOD BAGI AHLI JAWATANKUASA TADBIR URUS REKOD DBKK



8 & 9 Oktober 2025



Pusat Pembelajaran Bandaraya Kota Kinabalu



Melahirkan warga kerja DBKK yang mahir dalam tatacara pengurusan fail dan rekod yang baik berpandukan kepada prosedur yang telah ditetapkan

Meningkatkan kemahiran pengurusan fail dan mengemas kini fail di jabatan masing-masing

KURSUS SIASATAN DAN TATACARA PENYEDIAAN KERTAS SIASATAN BERKUALITI



13 - 16 Oktober 2025



The Klagan Hotel, Kota Kinabalu



Meningkatkan kemahiran penyiasatan dengan melengkapkan peserta dengan pengetahuan dan kemahiran untuk menjalankan siasatan yang sistematik dan berkualiti

Membimbing peserta dalam menyediakan kertas siasatan yang lengkap, terperinci dan memenuhi piawaian undang-undang

TAKLIMAT MyTQA DI GALERI DOUBLE SIX, SEMBULAN



24 Oktober 2025



Galeri Double Six, Sembulan



Memberi pendedahan serta pemahaman yang lebih mendalam mengenai piawaian pengiktirafan kualiti pelancongan Malaysia

KURSUS KENEGARAAN MALAYSIA MADANI PEMIMPIN MUDA DBKK DENGAN KERJASAMA AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA (AKM) NEGERI SABAH



30 Oktober - 1 November 2025



Pusat Latihan Kenegaraan Kundasang

Menerapkan elemen pembelajaran secara praktikal dan interaktif melalui aktiviti luar, ceramah motivasi, perbincangan serta latihan berkumpulan

Memperkukuh kefahaman berkaitan konsep kenegaraan, membentuk semangat berpasukan, nilai kepimpinan dan integriti selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI

KURSUS ASAS PENGUATKUASA TAHUN 2025



2 - 22 November 2025



Pusat Latihan RELA Negeri Sabah

Memperkukuh pengetahuan dan kemahiran peserta berkaitan penguatkuasaan Undang-undang Kecil (UUK)

Meningkatkan keupayaan operasi lapangan, memupuk profesionalisme dan integriti, meningkatkan keberkesanan pengurusan keselamatan dan kebersihan bandar raya serta meningkatkan kerjasama berpasukan dan ketahanan mental peserta

TAKLIMAT STRATEGI BANDAR PINTAR DBKK BERSAMA HUAWEI TECHNOLOGIES MALAYSIA



4 November 2025



Dewan Mesyuarat, Bangunan DBKK

Memperkukuh transformasi penyampaian dan perkhidmatan ke arah bandar raya yang lebih cekap, pintar dan mampan

KURSUS PRA PERSARAAN DBKK 2025, SEBAGAI PERSEDIAAN KAKITANGAN YANG BAKAL BERSARA



8 & 9 Disember 2025



Hotel Horizon

Memberi pengetahuan menyeluruh berkaitan faedah persaraan, pengurusan kewangan dan wasiat serta persediaan kesihatan fizikal, mental, emosi dan rohani dalam menghadapi fasa persaraan dengan lebih positif dan yakin

BENGKEL SIRI 1: PENGHASILAN STRATEGIC VIEW, MOTIVATIONAL VIEW, CAPABILITY VIEW DAN CUSTOMER JOURNEY DALAM PEMBANGUNAN ENTERPRISE ARCHITECTURE (EA)



15 Disember 2025



Hotel Horizon

Mengumpulkan maklumat kritikal daripada Ketua-ketua Jabatan, DBKK bagi menyokong pembangunan EA, DBKK

MAJLIS PENYERAHAN KUNCI DAN PERASMIAN TAMAN PRR PUTERA KIANSOM BERSEMPENA DENGAN PROGRAM SENTUHAN KASIH KPKT 3.0

Program Residensi Rakyat (PRR) Putera Kiansom melibatkan 1,000 unit kediaman yang siap dibina dan dilengkapi kemudahan asas merupakan bukti komitmen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bersama Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dalam pembinaan ekosistem kehidupan yang inklusif dan mampan.

Seramai 22 penduduk daripada Blok A, B, C dan D telah menerima simbolik kunci kediaman mereka dalam Majlis Penyerahan Kunci dan Perasmian Program PRR Putera Kiansom, Inanam yang diadakan bersempena dengan Program Sentuhan Kasih KPKT, pada 11 Julai 2025.

Majlis disempurnakan oleh YB Nga Kor Ming, Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Dalam ucapan perasmianya, beliau berkata, Taman PRR Putera Kiansom merupakan hasil kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam usaha menyediakan kediaman yang selesai dan mampu milik kepada rakyat.

Hadir dalam majlis ini ialah YB Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam, Timbalan Ketua Menteri II merangkap Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP), Sabah; YB Datuk Phoong Jin Zhe, Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan Sabah merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) N.21 Luyang; YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, KPKT; YB Datuk Peto Galim, Pembantu Menteri II Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah merangkap ADUN N.18 Inanam, Sabah; YBhg. Datuk Wira M. Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT; YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, JP, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu dan Encik Haji Zulkeflee bin Sulaiman, Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti), KPKT.

Majlis turut menyaksikan Sesi Penyerahan 'Mock Cheque' Peruntukan Keseluruhan KPKT Kepada Negeri bernilai RM169,068,834 di antara YB Nga Kor Ming kepada YB Datuk Seri Panglima Dr. Joachim Gunsalam.

Terdahulu, YB Nga Kor Ming telah mengadakan tinjauan ke Tempat Letak Kereta Bertingkat di Foh Sang dan Dewan Serbaguna Luyang bersempena Program Sentuhan Kasih KPKT 3.0.





MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA DBKK DENGAN PETCO TRADING LABUAN COMPANY LTD. & MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERJANJIAN ANTARA DBKK DENGAN AORB



Seiring usaha memacu pembangunan strategik dan berimpak tinggi, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Petco Trading Labuan Company Ltd. dan Memorandum Perjanjian (MoA) bersama Alpha Ocean Resources Berhad (AORB), dalam satu majlis yang diadakan di Pacific Sutera Hotel, pada 30 Julai 2025.

Sesi menandatangani kedua-dua memorandum ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, *JP*, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu bersama YBhg. Datuk Sr. Lifred Wong, Ketua Pengarah, DBKK antara Petco Trading Labuan Company Ltd., iaitu YBhg. Haji Shamsul Bahari bin Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif dan Encik Ong Eng Hian, Ketua Carbon Credit Trading dan AORB, iaitu Yang Hormat Dato' Pua Woon Kee, Ketua Pegawai Eksekutif dan Encik Simon Puan, Pengarah Eksekutif.

Detik bersejarah ini telah disaksikan oleh YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah; YB Datuk Seri Panglima Sr. Haji Safar bin Untong, Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah dan YB Datuk Abidin Madingkir, *JP*, Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri merangkap Menteri Yang Bertanggungjawab Kepada DBKK.

Dalam ucapannya, YAB Ketua Menteri berkata, kedua-dua inisiatif ini selaras dengan agenda Ekonomi Biru Sabah yang menekankan pembangunan mampan, nilai tambah industri perikanan serta peralihan kepada tenaga bersih.

Tambahnya, kejayaan menarik pelaburan ini membuktikan keyakinan tinggi pelabur terhadap prospek ekonomi Sabah dan sinergi antara DBKK, sektor swasta dan kerajaan negeri diyakini akan mempercepat pertumbuhan ekonomi dan mencipta lebih banyak peluang pekerjaan untuk rakyat.

Kerjasama ini merupakan langkah signifikan ke arah mewujudkan sebuah model pembangunan bandar raya yang menyatukan pertumbuhan ekonomi, kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan sosial sejajar dengan Pelan Strategik Bandaraya Kota Kinabalu 2025-2035 dan aspirasi Pelan Tindakan Bandar Rendah Karbon Kota Kinabalu.

Semoga kerjasama yang termeterai dalam majlis ini menjadi pemangkin kepada usaha mentransformasikan Kota Kinabalu sebagai bandar raya mesra alam, pintar dan berdaya huni.





MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN DAN PEMBENTANGAN KERTASKAJIAN PENYELIDIKAN PROGRAM EKSPEDISI SAINTIFIK LEMBANGAN SUNGAI DARAU



Kerjasama Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) mencapai kemuncaknya menerusi Majlis Perasmian Penutupan dan Pembentangan Kertas Kajian Penyelidikan Program Ekspedisi Saintifik Lembangan Sungai Darau bagi Program UMS - DBKK: *Sustainable Tourism Living Lab: Innovation and Engagement*, pada 14 Oktober 2025.

Majlis telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Sr. Lifred Wong, Ketua Pengarah DBKK yang hadir mewakili Mayor Bandaraya Kota Kinabalu. Turut hadir dalam majlis ini ialah YBhg. Profesor Ir. Dr. Rosalam Hj. Sarbaty, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS mewakili Naib Canselor UMS.

Tirai majlis dibuka dengan tayangan montaj yang memaparkan sorotan sepanjang pelaksanaan Ekspedisi Saintifik Lembangan Sungai Darau, sebelum diteruskan dengan Sesi Pembentangan Laporan Penyelidikan Ekspedisi tersebut oleh Dr. Mohamad Syahrul Nizam Ibrahim, Pensyarah Kanan Sosiologi Sekitaran dan Pelancongan Alam Semulajadi, Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan, UMS.

Hasil penyelidikan yang diperoleh melalui ekspedisi ini amat signifikan dalam memperkukuh dasar dan strategi

pembangunan pelancongan berteraskan kelestarian alam sekitar serta kesejahteraan komuniti.

YBhg. Datuk Sr. Lifred turut menyempurnakan penyampaian sijil kepada kumpulan penyelidik yang telah menamatkan Ekspedisi Saintifik Lembangan Sungai Darau, sebelum melawat ke Pameran Pelancongan Lestari yang menampilkan reruai daripada UMS, Citra Kasih dan Komuniti Sejahtera.

Ekspedisi Saintifik Lembangan Sungai Darau merupakan program pertama yang dilaksanakan selepas termeterainya Memorandum Persefahaman (MoU) antara DBKK dan UMS pada 4 Ogos 2025.

Pada 4 September 2025, telah berlangsung Sesi 'Kick-Off' Kajian Lapangan bagi Ekspedisi Saintifik Lembangan Sungai Darau, Kota Kinabalu, di Gelanggang Futsal Kampung Darau.

Kajian di lapangan dijalankan pada 4 September hingga 11 September 2025 dengan penyertaan sebanyak lapan kumpulan penyelidik daripada Jabatan Perhutanan Sabah, DBKK dan Universiti Malaysia Sabah (UMS). Kertas kajian peserta telah diterima dan diluluskan oleh Sabah Biodiversity Centre (SaBC).

Semoga usaha ini menjadi pemangkin kepada jalinan sinergi yang lebih erat antara DBKK dan UMS, seiring dengan aspirasi memperkukuh pembangunan mampan di sekitar Bandaraya Kota Kinabalu.



PROGRAM JOM KENALI GALERI DOUBLE SIX: MENDIDIK GENERASI MUDA DAN KOMUNITI OKU TENTANG SEJARAH

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) melalui Jabatan Penyelidikan, Inovasi dan Hal Ehwal Antarabangsa telah menganjurkan program Jom Kenali Galeri Double Six sepanjang tahun 2025, melibatkan dua segmen utama iaitu sesi untuk ahli *Smart City Friends* (SCF) dan sesi khas untuk Orang Kurang Upaya (OKU).



Siri 1 hingga 3: Membentuk Generasi Muda Pencinta Sejarah

Program untuk kanak-kanak dan remaja dilaksanakan dalam tiga siri, iaitu Siri 1 pada 20 September 2025, Siri 2 pada 11 Oktober 2025 dan Siri 3 pada 22 November 2025. Program ini melibatkan penyertaan keseluruhan seramai 75 orang peserta berumur antara 7 hingga 17 tahun yang merupakan ahli berdaftar *Smart City Friends* (SCF).

Tujuan utama program ini diadakan adalah bagi meningkatkan kesedaran umum berkaitan galeri dan fungsinya selain memberi peluang kepada ahli-ahli SCF untuk mendalami nilai sejarah. Sepanjang program berlangsung, pelbagai aktiviti menarik telah diadakan, antaranya Jejak Sejarah (Treasure Hunt), Susun Lego (Magnetic Mini Craft Block), Pindah Bola Ping Pong, Word Search, sesi lawatan berpandu, jejak warisan, tayangan video sejarah, permainan congkak, aktiviti mewarna dan pertandingan meluncurkan kapal terbang kertas.



Sesi Khas Bersama OKU:

Inklusiviti dalam Pendidikan Sejarah

Melengkapkan siri program tersebut, satu sesi khas dianjurkan pada 6 Disember 2025 yang melibatkan seramai 10 orang peserta daripada kalangan Orang Kurang Upaya (OKU). Sesi ini diadakan bagi memastikan pendidikan sejarah dan kesedaran tentang kepentingan galeri dapat diakses oleh semua lapisan masyarakat tanpa pengecualian.

Para peserta berpeluang melawat ke sekitar Galeri Double Six yang menempatkan gambar dan artifak bersejarah, di samping berinteraksi secara lebih dekat melalui pertanyaan dan perbincangan santai. Aktiviti-aktiviti yang dianjurkan turut disesuaikan bagi memastikan penyertaan yang selesa dan bermakna buat semua peserta.

Penganjuran program secara menyeluruh ini mencerminkan komitmen DBKK dalam memastikan Galeri Double Six bukan sahaja berfungsi sebagai pusat dokumentasi tragedi 6 Jun 1976, tetapi juga sebagai ruang pembelajaran inklusif yang menghubungkan generasi muda dan komuniti istimewa dengan warisan sejarah Kota Kinabalu.



PROGRAM PENANAMAN 1,000 POKOK SAYUR DAN GOTONG-ROYONG DI SEMBULAN, PROMOSIKAN BUDAYA HIJAU DAN LESTARI DI BANDARAYA KOTA KINABALU

Dalam usaha menjadikan Kota Kinabalu sebagai sebuah bandar raya hijau, bersih dan lestari, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) melalui Jabatan Landskap telah menganjurkan Program Penanaman 1,000 Pokok Sayur dan Gotong-Royong di Sembulan bertempat di pekarangan Tadika Perpaduan Sembulan Baru B, pada 4 Oktober 2025.

Penganjuran program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif di bawah Program Local Agenda 21 (LA 21) Tahun 2025 dan hasil kerjasama erat bersama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, *JP*, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu yang hadir bersama isteri, YBhg. Datin Sri Hajah Adreen Aderizza binti Mohamad Soffi, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Daerah Kota Kinabalu.

Dalam ucapannya, Dato' Sri Mayor menegaskan bahawa program seperti ini bukan sahaja mendidik masyarakat tentang nilai berdikari dan pengurangan kos sara hidup melalui penanaman sayuran sendiri, malah turut menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan komuniti bandar.

Jelas beliau lagi, amalan menanam sendiri hasil makanan seperti cili, terung dan sayuran hijau dapat mengurangkan ketergantungan kepada pasaran serta menyumbang



kepada keselamatan makanan bandar iaitu satu isu yang semakin menjadi perhatian di peringkat global.

Turut hadir dalam program ini ialah YBhg. Datuk Sr. Lifred Wong, Ketua Pengarah DBKK; Encik Robert Lipon, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Operasi) DBKK merangkap Pengerusi Program; Puan Faradillah binti Haji Abdul Rani, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Khidmat Pengurusan) DBKK; Encik Victor Gerard Kuasi, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pengurusan Kewangan) DBKK dan Encik Helmi Shahril bin Ag Kassim, Ahli Lembaga Penasihat DBKK.



Antara sorotan utama program ialah pelancaran penerbitan ilmiah berjudul “Spesies Pokok Sekitar Bandaraya Kota Kinabalu” yang mana merupakan hasil usaha Unit Penyelidikan dan Pemuliharaan Landskap, Jabatan Landskap DBKK.

Penerbitan ini bertujuan menjadi sumber rujukan kepada masyarakat, khususnya dalam meningkatkan kesedaran serta penghargaan terhadap kepelbagaian dan kepentingan spesies pokok di sekitar bandar raya. Buku ini memperkenalkan sebanyak 40 spesies tumbuhan yang terdiri daripada 30 spesies pokok teduhan, enam (6) spesies pokok palma dan empat (4) spesies pokok renek.

Dalam kesempatan itu, Dato’ Sri Mayor turut menyempurnakan sesi penyerahan anak pokok sayur kepada wakil-wakil komuniti kebun bandar sebelum meneruskan acara dengan gimik penanaman pokok sayur.



Program ini turut menyaksikan penglibatan aktif anggota DBKK dan komuniti setempat dalam aktiviti gotong-royong pembersihan, edaran risalah kesihatan dan penanaman pokok sayuran di kebun komuniti.

Selain itu, pelbagai pengisian menarik turut diadakan bersempena program ini seperti Bazar Komuniti dan Jualan Buku DBKK di Lintasan Deasoka, Jualan Rahmah Madani, serta demonstrasi pencegahan kebakaran dan keselamatan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Turut berlangsung pameran keselamatan yang melibatkan pelbagai agensi kerajaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pertanian, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Jabatan Penjara, Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) Bandaraya Kota Kinabalu serta Komuniti Kebun Bandar Kota Kinabalu.



SESI LIBAT URUS DESA BOTANI DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU



Dalam memastikan pandangan dan cadangan komuniti setempat sentiasa dititikberatkan, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) melalui Jabatan Botani telah mengadakan Sesi Libat Urus Desa Botani DBKK, bertempat di Dewan Putera, Taman Botani Tun Fuad Stephens, pada 15 Ogos 2025.

Sesi ini dipengerusikan oleh YBhg. Dato’ Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, *JP*, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu dengan disertai oleh barisan Pengurusan Tertinggi, DBKK serta wakil daripada agensi-agensi seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah, Jabatan Air Negeri Sabah (JANS), Jabatan Tanah dan Ukur serta Sabah Electricity.

Lebih 150 penduduk Kampung Kolam Damai yang hadir telah mendengar taklimat yang disampaikan oleh Encik Robert Lipon, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Operasi), DBKK yang mengupas strategi pembangunan Desa Botani sebagai sebuah destinasi eko-pelancongan bandar dengan penggunaan tanah yang lebih efisien dan infrastruktur berkualiti.

Sesi diteruskan dengan taklimat kedua oleh Puan Joanna Johnny Goh, Pegawai Undang-undang DBKK yang menyentuh tatacara, pengurusan dan pentadbiran, serta penubuhan Jawatankuasa Pentadbiran Desa Botani (JPDB). Sebelum sesi libat urus diakhiri, penduduk yang hadir diberi ruang untuk menyuarakan pandangan serta cadangan masing-masing berkaitan pelaksanaan penempatan Desa Botani DBKK.

Kerjasama erat antara DBKK dan komuniti setempat ini diharap dapat merealisasikan pembangunan Desa Botani DBKK.



PENGANJURAN BERSIRI PROGRAM KK KOMUNITI SEJAHTERA 'LEAVE NO ONE BEHIND: TOWARDS SUSTAINABLE MARKET', KE ARAH MEMPERKASA KOMUNITI SETEMPAT

Penganjuran bersiri Program KK Komuniti Sejahtera 'Leave No One Behind: Towards Sustainable Market' oleh Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) melalui Jabatan Pelancongan dan Kesejahteraan Masyarakat sepanjang tahun 2025 menjadi bukti komitmen berterusan dalam memperkasa komuniti setempat.

Program yang diadakan pada minggu kedua setiap bulan bermula April hingga Disember ini menawarkan pelbagai aktiviti dan pertandingan menarik setiap bulan, mengikut tema yang ditetapkan. Antaranya ialah Hari Raya Aidilfitri, Pesta Kaamatan, Alam Sekitar, Bulan Kebangsaan dan sebagainya.

Tirai program dibuka dengan acara *KK Love Bike: Free Ride Tour & KK Harmony Ride* yang menyaksikan peserta yang terdiri daripada pelajar institusi pengajian tinggi, berbasikal ke tiga (3) pusat ibadah yang terdapat di sekitar bandar raya, seperti Gurdwara Sahib Sikh Temple, Masjid Negeri Sabah dan Sacred Heart Cathedral.



Antara institusi yang mengambil bahagian dalam acara ini ialah Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM); Institut Latihan Teknik & Perdagangan (ILTP), Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (JPSM) Sabah; Institut Pendidikan Guru (IPG) Gaya dan Kampus Kent; Institut Latihan Perindustrian Kota Kinabalu (ILPKK); Politeknik Kota Kinabalu; Kolej Teknologi Yayasan Sabah (KTYAS); UNITAR Sabah; SIDMA College; MSU College; Almacrest International College (AIC); Asian Tourism International (ATI) College dan Cyberjaya College Kota Kinabalu.

Program kemudian beralih ke aktiviti yang lebih santai bagi pengunjung di KK Sentral, antaranya ialah persembahan



kebudayaan yang dibawa oleh Komuniti Homestay Id Pogimpaan dan Komuniti Darau; *Upcycling Craft* (Citra Kasih), Seni Lukisan Batik, Seni Kraftangan, aktiviti memanah, pameran dan sesi taklimat jabatan-jabatan DBKK serta sesi demonstrasi seni jahitan, seni mempertahankan diri, anyaman ketupat dan masakan kuih Pinjam.

Sepanjang penganjuran program ini, turut berlangsung pertandingan yang dibuka untuk penyertaan daripada kategori sekolah rendah dan menengah, seperti pertandingan Melipat Sigar, Melukis dan Mewarna, Congkak, Mewarna Cengkerang Lokan, Membuat *Paperseed* Sampul Raya, *TikTok Challenge*, Gubahan Bunga, *Mini Treasure Hunt*, Reka Cipta, Teka Gambar, Sahibba, Koir, Menyusun Lego, Membuat Layang-layang, Membuat Pokok Krismas dan Pencarian Bakat.

Penganjuran Program KK Komuniti Sejahtera 'Leave No One Behind: Towards Sustainable Market' merupakan inisiatif yang bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup warga bandar raya melalui pelaksanaan pelbagai program-program pelancongan dengan melibatkan komuniti.

Selain itu, program ini turut mempromosikan Pusat Kraftangan: KK Sentral Market yang merupakan antara lokasi yang menawarkan pelbagai jenis kraftangan tempatan dengan keunikan budaya dan kaum yang terdapat di Negeri Sabah.

Semoga objektif dan matlamat program terus dicapai dalam usaha memupuk semangat kerjasama komuniti serta memperkukuh penglibatan masyarakat dalam menjadikan Kota Kinabalu sebagai bandar raya lestari.



PROGRAM KEMAMPAKAN KOMUNITI BANDAR: *LEAVE NO ONE BEHIND: CY-CLEAN (CYCLING & CLEAN) 2.0*, INISIATIF MELESTARIKAN BANDARAYA KOTA KINABALU

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) melalui Jabatan Pelancongan dan Kesejahteraan Masyarakat telah menganjurkan Program Kemampanan Komuniti Bandar: *Leave No One Behind: Cy-Clean (Cycling & Clean) 2.0*, bertempat di Tapak Tugu Pekan Inanam, pada 5 Oktober 2025.

Dengan slogan "*Wise Use of Natural and Built Environments, Promotes Healthy Family Lifestyle and Building Cohesive Communities*", program ini merupakan program tahunan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang bertujuan untuk menggalakkan pengangkutan mesra alam dan rendah karbon, meningkatkan kesedaran penjagaan alam sekitar dan amalan gaya hidup sihat.



Program telah disempurnakan oleh Puan Faradillah binti Haji Abdul Rani, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Khidmat Pengurusan), DBKK yang hadir mewakili Mayor Bandaraya Kota Kinabalu. Hadir sama ialah YDH SAC Datuk Mohd Azhar bin Hamin, Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti Kontinjen Sabah dan Puan Darna Badawi, Pengarah Jabatan Pelancongan dan Kesejahteraan Masyarakat, DBKK; Ketua-ketua Jabatan, DBKK; Encik Ng Kah Ghor, Presiden Persatuan Pekak serta wakil daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Sekitar 1,000 orang peserta telah mengambil bahagian dalam program ini, terdiri daripada golongan belia, wanita, warga emas, pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi (IPT), Orang Kurang Upaya (OKU), komuniti dalam dan luar bandar serta pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO).

Para peserta telah dilepaskan di Tapak Tugu Pekan Inanam sebelum masing-masing bergerak ke Kampung Sinulihan,



Inanam bagi peserta berbasikal dan Pasar Basah Inanam bagi peserta berjalan kaki. Setibanya di Kampung Sinulihan, para peserta telah diberi taklimat berkaitan Wabak Denggi yang disampaikan oleh Dr. Vigneswaran A/L Shanmugam, Pegawai Perubatan, Unit Kawalan Penyakit Bawaan Vektor, Pejabat Kesihatan Kawasan Kota Kinabalu sebelum diteruskan dengan penanaman Pokok Kelapa Pandan.

Sementara itu, pelbagai pengisian menarik diadakan di Tapak Tugu Pekan Inanam yang mendapat sokongan meriah daripada pelbagai lapisan masyarakat. Antaranya ialah demonstrasi kraf Citra Kasih 'Upcycling' bersama peserta daripada Persatuan Pekak Sabah, Kuiz Alam Sekitar, Cabutan Bertuah, Jualan Rahmah Madani serta menyaksikan persembahan Kulintangan yang dibawakan khas oleh komuniti Darau.



Lebih menarik lagi adalah pembukaan pameran interaktif daripada pelbagai agensi seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM); Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK); Balai Seni Lukis Sabah; DBKK Holdings Sdn. Bhd. serta Jabatan-jabatan DBKK, iaitu Jabatan Penyelidikan, Inovasi dan Hal Ehwal Antarabangsa (JPIHEA), Jabatan Kesihatan Persekitaran Bandaraya (JKPB) dan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal (JPSP).

Turut berlangsung pertandingan *Mini Treasure Hunt*, pertandingan Mewarna Alam Sekitar, Pertandingan Menyusun Lego Bersama Kanak-Kanak Autisme, Pertandingan Gubahan Bunga/Hiasan Taman Daripada Bahan Kitar Semula dan Pertandingan Hiasan Basikal.

Program ini juga mendapat sokongan daripada Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (UPPM) N.18 Inanam; Persatuan Autisme Sabah; Persatuan Orang Kerdil Sabah dan Kumpulan Pelukis Sabah.

Terdahulu, pada tahun 2024, DBKK bersama KPKT telah berjaya menganjurkan Program Kemampanan Komuniti Bandar *Cy-Clean* buat julung kalinya yang telah menerima sokongan padu daripada komuniti dengan penyertaan lebih 650 peserta.

PROGRAM INTERAKSI & INSPIRASI BERSAMA MAJLIS KANAK-KANAK DBKK

Program Interaksi & Inspirasi Bersama Majlis Kanak-Kanak Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (MKK-DBKK) anjuran Jabatan Penyelidikan, Inovasi dan Hal Ehwal Antarabangsa, DBKK telah berlangsung di Galeri Double Six, pada 1 November 2025.

Penganjuran program ini bertujuan untuk memperkenalkan barisan Ahli MKK-DBKK yang telah terpilih, sekali gus memberi penerangan lanjut mengenai peranan, tanggungjawab dan aktiviti yang akan dijalankan sepanjang tempoh pelantikan.

Antara aktiviti yang berlangsung sepanjang program ialah 'Ice Breaking' dan Dinamika Kumpulan, Sesi Perkongsian Motivasi, Perbincangan Meja Bulat serta Sesi Refleksi. Sesi ceramah telah disampaikan oleh Encik Norhasdi bin Hassaan, Accredited Trainer & Training Provider, HRD Corp.



Hadir semasa Majlis Penutupan dan Penyampaian Sijil ialah Dr. Elaine Kong, wakil daripada UNICEF; Puan Dygku Selha Pengiran Ibrahim, Pengerusi Jawatankuasa Gender Majlis Penasihat Wanita Sabah dan Puan Hajah Fauziahton binti Ag. Samad, Pengarah Jabatan Penyelidikan, Inovasi dan Hal Ehwal Antarabangsa, DBKK.

MAJLIS WATIKAH PELANTIKAN SESI 2025-2027 DAN PELANCARAN LOGO RASMI MAJLIS KANAK-KANAK DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU (MKK-DBKK)

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) melakar satu lagi pencapaian signifikan menerusi penganjuran Majlis Watikah Pelantikan Sesi 2025-2027 dan Pelancaran Logo Rasmi Majlis Kanak-Kanak DBKK (MKK-DBKK) yang diadakan pada 1 Disember 2025.

Majlis penuh bermakna ini disempurnakan oleh YBhg. Datuk Sr. Lifred Wong, Ketua Pengarah DBKK yang mewakili Mayor Bandaraya Kota Kinabalu.

Turut hadir memberikan sokongan ialah wakil UNICEF Malaysia, Ahli Lembaga Penasihat DBKK, ketua-ketua jabatan, para guru, wakil NGO serta ibu bapa, menzahirkan komitmen bersama terhadap agenda Kota Kinabalu sebagai bandar mesra kanak-kanak.

Seramai 18 ahli MKK-DBKK menerima Watikah Pelantikan bagi sesi 2025-2027, sekali gus membentuk barisan pertama kepimpinan kanak-kanak di bawah naungan DBKK. Mereka dipilih melalui proses yang telus melibatkan sekolah dan komuniti berdasarkan ciri kepimpinan, keterampilan serta keupayaan mewakili suara rakan sebaya. Pelantikan ini menjadi bukti pengiktirafan terhadap peranan generasi muda sebagai rakan pembangunan bandar raya.

Majlis ini turut menyaksikan Pelancaran Logo Rasmi MKK-DBKK, yang dihasilkan melalui penyertaan kreatif kanak-kanak seluruh Kota Kinabalu menerusi Pertandingan Mereka Cipta Logo.



Rekaan terpilih mencerminkan identiti, aspirasi dan semangat MKK-DBKK yang berteraskan kreativiti, perpaduan serta keterangkuman, nilai penting dalam pembentukan bandar raya yang benar-benar mesra kanak-kanak. Pemilihan dibuat secara profesional oleh panel yang terdiri daripada wakil institusi seni, akademik dan UNICEF.

Secara keseluruhannya, Majlis Watikah Pelantikan ini mencerminkan langkah kukuh DBKK dalam memperkasa agenda bandar mesra kanak-kanak, memperluas penyertaan komuniti muda, serta membentuk ekosistem bandar yang lebih responsif, selamat, inklusif dan sejahtera.

DBKK kekal komited memupuk kerjasama erat bersama UNICEF, agensi kerajaan, pihak sekolah, NGO dan komuniti, demi memastikan manfaat usaha ini terus dirasai generasi hari ini serta diwariskan kepada generasi masa hadapan.





MAJLIS PRA PELANCARAN HALA TUJU SMART CITY FRIENDS (SCF)

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) terus memperkukuh agenda bandar pintar melalui penganjuran Majlis Pra Pelancaran Hala Tuju *Smart City Friends* (SCF) yang telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, JP, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu, pada 3 Disember 2025.

Majlis ini menjadi landasan penting dalam menghimpunkan DBKK, NGO, institusi akademik dan komuniti setempat di bawah satu gerakan komuniti pintar yang lebih tersusun, inklusif dan berdaya saing.

Pra pelancaran ini menandakan fasa permulaan gerakan *Smart City Friends*, yang berperanan menggerakkan keterlibatan awal masyarakat dalam agenda bandar pintar. Usaha ini turut membuka laluan kepada penyertaan lebih meluas daripada warga bandar raya, selaras dengan pelaksanaan Hala Tuju 5 Tahun yang akan digerakkan secara menyeluruh mulai 2026.

Melalui pelaksanaan awal ini, DBKK mengharapkan lebih ramai rakyat tampil sebagai rakan strategik dalam mendukung pembangunan Kota Kinabalu sebagai sebuah bandar pintar yang mampan dan berdaya saing.



Selari dengan aspirasi tersebut, Mayor dalam ucapannya menegaskan bahawa SCF diwujudkan sebagai platform penyatuan suara rakyat dan keupayaan DBKK, di mana rakyat tidak lagi hanya menjadi pemerhati, tetapi *co-pilot* dalam memacu pembangunan Kota Kinabalu ke arah sebuah bandar yang lebih bersih, selamat, cekap, inklusif dan berdaya tahan.

Beliau turut menekankan bahawa pengiktirafan Kota Kinabalu sebagai *Smart City Early Adopter* 2025 merupakan pemangkin penting yang menuntut pelaksanaan teknologi seperti IoT, AI, *smart mobility* dan data bandar diterjemahkan kepada manfaat langsung untuk rakyat.

Dalam kerangka pelaksanaannya, Hala Tuju *Smart City Friends* memberi penekanan kepada pembentukan komuniti yang benar-benar bergerak dan terlibat aktif dalam agenda bandar pintar.

Pendekatan ini dilaksanakan melalui empat komponen utama yang saling melengkapi, iaitu pengupayaan komuniti digital, pendedahan kepada infrastruktur pintar, peningkatan kesedaran mengenai kepentingan data serta penggerakan tindakan lapangan seperti gotong-royong pintar, rondaan komuniti, kesiapsiagaan bencana dan pemantauan kawasan. Pendekatan menyeluruh ini dirangka bagi melahirkan komuniti yang responsif, berpengetahuan serta mampu bertindak sebagai rakan strategik DBKK dalam pembangunan bandar pintar.

DBKK yakin bahawa SCF akan menjadi tulang belakang sosial dalam perjalanan menuju Kota Kinabalu *Smart City* 2030, memastikan setiap inisiatif teknologi dan inovasi bukan sahaja berjaya dilaksanakan, tetapi terus memberi kesan nyata kepada kesejahteraan rakyat dan kemajuan bandar raya.

Melalui kerjasama erat antara DBKK, komuniti, akademik dan NGO, agenda bandar pintar ini diyakini mampu membentuk masa depan Kota Kinabalu yang lebih maju, mampan dan membanggakan.

TPO REGIONAL MEETING 2025 FOR MALAYSIAN MEMBERS PERKUKUH KERJASAMA ANTARA BANDAR BAGI KEMAJUAN SEKTOR PELANCONGAN

Dalam usaha untuk memperkukuh kerjasama antara bandar-bandar Malaysia serta memajukan sektor pelancongan, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) melalui *Tourism Promotion Organization (TPO)*, DBKK telah menjadi tuan rumah bagi *TPO Regional Meeting 2025 For Malaysian Members*, pada 9 Julai 2025.

Mesyuarat yang berlangsung di Pacific Sutera Hotel ini berperanan sebagai platform perbincangan, perkongsian maklumat dan perancangan bersama dalam mempromosikan destinasi pelancongan tempatan di peringkat serantau dan antarabangsa.

Majlis telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, *JP*, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu. Dalam ucapan alu-aluannya, Dato' Sri Mayor menzahirkan harapan agar perbincangan, perkongsian dan kolaborasi yang terhasil menerusi mesyuarat ini akan menjadi landasan asas kepada projek di masa akan datang; produk pelancongan inovatif dan kerjasama yang berkekalan.

Hadir dalam mesyuarat ini ialah YBhg. Datuk Sr. Lifred Wong, Ketua Pengarah, DBKK; Encik Ahmad Suqairy bin Alias, Yang di-Pertua Majlis Daerah Kampar; Encik Haji Azi Rahimee bin Haji Mohamed, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Kota Bharu; Ms. Kang Da Eun, *Secretary General, TPO*, Busan, Korea; Puan Faradillah binti Haji Abdul Rani, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Khidmat Pengurusan), DBKK selaku Pengerusi Program *TPO Regional Meeting 2025 For Malaysian Members*; ahli-ahli TPO; Timbalan-timbalan Ketua Pengarah, DBKK serta Ketua-ketua Jabatan, DBKK.

Tirai majlis dibuka dengan pembentangan bertajuk "*Overview Of Sabah Tourism Industry*" yang disampaikan oleh Encik Bobby Alex, *Marketing Manager*, Sabah Tourism Board (STB), sebelum diteruskan dengan *Thematic Session* bertajuk "*Unique Tourist Product Positioning 'Smart Cities, Smart Culture, Smart Future: Reimagining Urban Tourism Through Innovation, Culture & Sustainability'*" oleh YBhg. Professor Dr. Awangku Hassan bin Pengiran Bagul, *Director of Eco Campus Management Center*, Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Turut mengambil bahagian dalam mesyuarat ini adalah wakil-wakil daripada Majlis Bandaraya Alor Setar, Kedah; Majlis Bandaraya Ipoh, Perak; Majlis Daerah Kampar, Perak; Majlis Perbandaran Kota Bharu; Majlis Bandaraya Kuantan, Pahang dan Majlis Perbandaran Taiping, Perak.

Pada masa yang sama, DBKK turut mengalu-alukan kehadiran wakil daripada Majlis Perbandaran Penampang, Sabah Convention Bureau, Institute Development Studies (IDS), Taman-Taman Sabah dan STB sebagai pemerhati sepanjang mesyuarat berlangsung.

Objektif utama mesyuarat ini ialah untuk membincangkan strategi dan inisiatif terkini dalam mempromosikan destinasi pelancongan Malaysia selain membangunkan rangkaian kerjasama antara bandar-bandar di Malaysia dan bandar lain di Asia Pasifik.

Terdahulu, pada 8 Julai 2025, DBKK telah meraikan ketibaan delegasi TPO menerusi *Welcoming Dinner TPO Regional Meeting 2025 For Malaysian Members* bertempat di North Borneo Cruise.

Keindahan suasana malam di sepanjang KK City Waterfront telah menambah kepada seri majlis yang turut menjadi bukti kepada komitmen dalam memupuk hubungan yang lebih kukuh selain memperhebat jalinan kerjasama dalam kalangan ahli-ahli TPO.

Dalam majlis yang sama, YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, *JP*, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu telah menyempurnakan sesi penyampaian cenderahati kepada para delegasi *TPO for Global Cities - Malaysian Members & Tourism Promotion Organization Secretariat*, Busan, Korea.

Penganjuran *TPO Regional Meeting 2025 For Malaysian Members* diharap akan menjadi pemangkin kepada aspirasi bersama dalam membangunkan rangkaian bandar raya yang lebih berdaya huni, inovatif dan kolaboratif.



LAWATAN TEKNIKAL DELEGASI TPO KE DESTINASI TUMPUAN PELANCONG SEKITAR BANDARAYA KOTA KINABALU

Delegasi *Tourism Promotion Organization* (TPO) yang terdiri daripada Secretariat Busan, Korea dan Malaysia telah menyertai lawatan teknikal ke destinasi-destinasi yang sering menjadi tumpuan pelancong di sekitar Bandaraya Kota Kinabalu, sebagai antara pengisian sepanjang berlangsungnya *TPO Regional Meeting 2025 For Global Cities*, pada 9 Julai 2025.

Rombongan delegasi terdiri daripada TPO Secretariat Busan, Korea dan Malaysia, iaitu Majlis Bandaraya Alor Setar, Kedah; Majlis Bandaraya Ipoh, Perak; Majlis Daerah Kampar, Perak; Majlis Perbandaran Kota Bharu; Majlis Bandaraya Kuantan, Pahang dan Majlis Perbandaran Taiping, Perak.

Dalam sesi lawatan ini, rombongan delegasi telah dibawa ke salah sebuah pusat membeli belah yang terdapat di tengah-tengah Bandaraya Kota Kinabalu dan terkenal dengan pelbagai pilihan kedai, termasuk jenama antarabangsa, tempat makan dan hiburan. Selain itu, rombongan turut dibawa untuk melawat ke sekitar Anjung Kinabalu yang begitu sinonim dengan cenderamata buatan tempatan, seperti kraftangan, mutiara dan makanan laut kering.



Kedua-dua lokasi ini merupakan antara destinasi yang sering menjadi tumpuan para pelancong yang datang ke negeri ini. Lawatan diakhiri dengan majlis makan malam bersama delegasi TPO Secretariat Busan, Korea dan Malaysia, bertempat di Hyatt Centric Kota Kinabalu, pada pukul 7 malam.

Hadir sama dalam majlis ini ialah YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, *JP*, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu; YBhg. Datuk Sr. Lifred Wong, Ketua Pengarah, DBKK; Encik



Haji Azi Rahimee bin Haji Mohamed, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Kota Bharu; Ms. Kang Da Eun, *Secretary General*, TPO, Busan, Korea; Puan Faradillah binti Haji Abdul Rani, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Khidmat Pengurusan), DBKK selaku Pengerusi Program TPO *Regional Meeting 2025 For Malaysian Members*; Ahli-ahli TPO dan Encik Abdul Mukti Hj. Muchlish, Pengetua Akademi Pusat Pembelajaran Bandaraya, DBKK.

Pada 10 Julai 2025, lawatan teknikal delegasi TPO diteruskan di Mari Mari Cultural Village, Inanam yang memberikan gambaran mengenai kekayaan dan keunikan budaya dan etnik yang terdapat di negeri ini.

Menerusi lawatan ini, ahli-ahli TPO telah dibawa untuk melawat ke pameran rumah-rumah etnik yang terdapat di Mari Mari Cultural Village, antaranya ialah Murut, Dusun, Bajau, Rungus dan Lundayeh, di mana mereka telah diberikan taklimat ringkas mengenai latar belakang dan keistimewaan setiap etnik.

Mereka juga berpeluang untuk mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti santai seperti demonstrasi produk makanan, kraftangan dan permainan tradisional. Sebelum lawatan berakhir, rombongan delegasi berpeluang untuk menyaksikan persembahan tarian kebudayaan pelbagai etnik.

Lawatan Teknikal Siri II ini menandakan berakhirnya kunjungan para delegasi selama tiga (3) hari, bersempena dengan TPO *Regional Meeting 2025 For Malaysian Members*.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini. Semoga kerjasama yang terjalin akan terus diperkukuh dalam usaha memperkasa sektor pelancongan tempatan ke peringkat antarabangsa.



MAJLIS PRA PELANCARAN OPERASI BOT PELANCONG DI JETI DBKK, BAKAL MENJADI PINTU UTAMA KE DESTINASI PULAU SEKITAR KOTA KINABALU

Majlis Pra Pelancaran Operasi Bot Pelancong di Jeti DBKK anjuran Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) melalui DBKK Holdings Sdn. Bhd. (DBKKH) telah berlangsung dengan jayanya di Horizon Hotel, pada 8 September 2025.

Pengoperasian Jeti DBKK ini dijangka akan menjadi platform yang menghubungkan pulau-pulau di bawah Taman Tunku Abdul Rahman yang sering menjadi tumpuan pelancong, seperti Pulau Manukan, Pulau Sapi, Pulau Mamutik, Pulau Gaya, Pulau Sulog dan Pulau Mengalum.

Hadir menyempurnakan majlis ialah YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, *JP*, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu bersama isteri, YBhg. Datin Sri Hajah Adreen Aderizza binti Mohamad Soffi, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Daerah Kota Kinabalu.

Dalam ucapan perasmiannya, Dato' Sri Mayor berkata bahawa pulau-pulau ini merupakan khazanah pelancongan bagi negeri Sabah. Kehadiran Jeti DBKK bakal menjadi



pintu masuk utama yang bukan sahaja memperkukuh akses pelancong ke pulau-pulau berkenaan, malah memastikan pengalaman yang lebih selesa, teratur dan selamat selaras dengan pengurusan pelancongan yang berkualiti.

Dalam majlis yang sama, Dato' Sri Mayor turut menyempurnakan Majlis Menandatangani Surat Lantikan Ejen Pemungut Hutang DBKKH. Langkah melantik ejen pemungut hutang secara rasmi ini dapat memastikan proses kutipan tunggakan dapat dijalankan dengan lebih sistematik, telus dan berkesan.

DBKK SERTAI PROGRAM 2025 TPO CAPACITY BUILDING (BUSAN WORKATION)

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menyertai Program 2025 TPO Capacity Building (Busan Workation) anjuran Tourism Promotion Organization for Global Cities (TPO) yang diadakan di Busan, Korea pada 27 hingga 30 Oktober 2025.

Seramai 18 pegawai daripada bandar-bandar ahli TPO telah mengambil bahagian dalam program ini. DBKK telah diwakili oleh Puan Faradillah binti Haji Abdul Rani, Timbalan Ketua Pengarah Sektor Khidmat Pengurusan, DBKK.

Program ini bertujuan untuk memperkukuh keupayaan dasar dan memperluas jaringan kerjasama antara bandar ahli TPO di seluruh dunia, selain memperkenalkan konsep "Workation" yang merupakan gabungan elemen kerja dan percutian, sebagai aplikasi dasar bagi memperkukuh keupayaan pegawai dalam merangka polisi pelancongan yang inovatif dan mampan.

Peserta berpeluang untuk mengalami dan menanda aras konsep ini, melalui lawatan infrastruktur serta program khas yang dibangunkan oleh kerajaan tempatan di Busan, Korea. Melalui platform ini, pelbagai langkah kerjasama baharu turut diteroka bagi memperkukuh hubungan dan membina rangkaian jangka panjang di antara bandar ahli TPO.

Sepanjang program berlangsung, peserta turut melawat ke beberapa lokasi utama di Busan yang menjadi pusat pelaksanaan konsep ini, termasuk Busan Workation Hub Center (Stesen Busan), Wave in Haeundae Workation (Songjung) dan Arte Museum Busan.

Penganjuran 2025 TPO Capacity Building Program (Busan Workation) menjadi platform penting dalam mempertingkatkan keupayaan pegawai dalam memahami aliran pelancongan pada masa kini selain memperkukuh dasar yang menyokong pembangunan bandar pintar dan kesejahteraan masyarakat.



LAWATAN DELEGASI ASEAN MEMBER STATE (AMS) KE DARAU WETLAND ECO-TOURISM

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) melalui Jabatan Pelancongan dan Kesejahteraan Masyarakat telah menyelaraskan lawatan Delegasi ASEAN Member State (AMS) ke Darau Wetland Eco-Tourism, yang merupakan lokasi popular eko-pelancongan bakau di Kota Kinabalu yang berpotensi menjadi sumber ekonomi baharu dalam kerangka ekonomi biru, pada 30 September 2025.

Lawatan yang melibatkan 62 peserta daripada 11 buah negara ini diadakan bersempena dengan *ASEAN Coordinating Task Force on Blue Economy Forum (ACTF-BE) 2025* anjuran Kementerian Ekonomi Malaysia (KE). Hadir sama dalam lawatan ini ialah Puan Faradillah binti Haji Abdul Rani, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Khidmat Pengurusan), DBKK yang mewakili Mayor Bandaraya Kota Kinabalu.

Pemilihan Darau Wetland Eco-Tourism sebagai lokasi lawatan delegasi merupakan langkah signifikan dalam mempromosikan ekonomi biru, iaitu pembangunan ekonomi berasaskan sumber laut dan pesisir secara mampan.

Menerusi lawatan ini, para peserta telah mengambil bahagian dalam aktiviti seperti penanaman pokok bakau, menyusuri lembangan Sungai Darau dengan menaiki bot serta melawat Rumah Budaya sambil menyaksikan demonstrasi pembuatan kuih tradisional dan produk pelancongan oleh komuniti Kampung Darau.

DBKK akan terus mempromosikan lokasi-lokasi popular eko-pelancongan yang terdapat di Bandaraya Kota Kinabalu dalam usaha untuk memperkukuh ekonomi biru.





MAJLIS SAMBUTAN HARI KESELAMATAN MAKANAN SEDUNIA PERINGKAT BANDARAYA KOTA KINABALU TAHUN 2025

Seiring usaha meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan keselamatan makanan, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) melalui Jabatan Kesihatan Persekitaran Bandaraya telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Keselamatan Makanan Sedunia Peringkat Bandaraya Kota Kinabalu Tahun 2025, di Palm Square, Centre Point Sabah, pada 5 Julai 2025.

Berteraskan tema “Keselamatan Makanan, Tanggungjawab Bersama”, penganjuran majlis ini bertujuan untuk memperkukuh usaha menjadikan keselamatan makanan sebagai agenda utama dalam mengurangkan penyakit bawaan makanan yang menjejaskan kesihatan awam.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Sr. Liffred Wong, Ketua Pengarah, DBKK mewakili YBhg. Dato’ Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, JP, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu. Dalam ucapannya, Dato’ Sri Mayor menggesa kepada semua pemilik dan pengusaha premis makanan untuk terus memberi kerjasama penuh kepada DBKK dalam mematuhi piawaian keselamatan makanan.

Tegas beliau, penekanan terhadap aspek keselamatan makanan adalah amat penting dan tidak boleh dikompromi kerana ia bukan sahaja melibatkan kesihatan individu, tetapi juga kesejahteraan masyarakat.

Majlis turut menyaksikan seramai 27 pengusaha premis makanan menerima Sijil Penarafan Kebersihan Premis Makanan Gred A dan penyerahan Sijil Penarafan Bintang Tandak Bersih, Menawan dan Wangi (BMW) kepada pihak pengurusan Centre Point Sabah. Majlis kemudian diteruskan dengan sesi lawatan ke sekitar pameran dan penyampaian Sijil Penghargaan kepada peserta pameran.

Antaranya ialah Pejabat Kesihatan Kawasan Kota Kinabalu (PKKKK); Pejabat Kesihatan Pergigian Kawasan Kota Kinabalu; Hospital Universiti Malaysia Sabah (HUMS) dan Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) Bandaraya Kota Kinabalu.

Hadir sama dalam majlis ini ialah Encik Robert Lipon, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Operasi), DBKK selaku Pengerusi Penganjur Majlis merangkap Pengerusi PEMADAM Bandaraya Kota Kinabalu; YBhg. Datin Dr. Siti Fatmah binti Suahid, Ahli Lembaga Penasihat, DBKK; Dr. Seah Shu Yen, Pegawai Pergigian, Pejabat Kesihatan

Pergigian Kawasan Kota Kinabalu; Puan Talissa R. Kiandee, Pegawai Teknologi Makanan, PKKKK; Puan Aqilah Karim, Pegawai Dietetik, HUMS; Puan Bibiane Umbol, Ketua Kumpulan Pengiklanan mewakili Pengurusan Centre Point Sabah dan Encik Mervin Liew, Presiden Persatuan Pengurusan Bersepadu Makhluk Perosak Sabah (SIPMA).

Majlis ini juga mendapat sokongan dan penglibatan aktif daripada dewan-dewan perniagaan dan persatuan-persatuan restoran dan kedai kopi yang telah hadir memeriahkan majlis ini.

Kehadiran dan penyertaan mahasiswa daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta seperti Tunku Abdul Rahman University of Management and Technology; Kolej Teknologi Yayasan Sabah; Almacrest International College; North Borneo University College dan Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan, UMS turut memeriahkan lagi suasana di sekitar acara.

Pelbagai intisari menarik telah dijalankan bersempena dengan Sambutan Hari Keselamatan Makanan Sedunia Peringkat Bandaraya Kota Kinabalu Tahun 2025, antaranya ialah Sesi Libat Urus Bersama Pengusaha Premis Makanan di Centre Point Sabah; pemeriksaan bersepadu premis makanan bersama PKKKK; gotong-royong pembersihan premis makanan di Basement Food Court, Centre Point Sabah; pemeriksaan dan penggredan premis makanan serta penarafan bintang tandas awam di Centre Point Sabah.

Selain itu, bagi memperkukuhkan objektif majlis, turut diadakan pengisian yang terbuka untuk penyertaan daripada orang awam seperti Ceramah Kesihatan, Pendaftaran Lesen Anjing, Pemeriksaan Asas Kesihatan oleh HUMS, Pertandingan Mewarna dan Kuiz.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang bertungkus-lumus dalam menjayakan Majlis Sambutan Hari Keselamatan Makanan Sedunia Peringkat Bandaraya Kota Kinabalu Tahun 2025.

Semoga usaha ini menjadi pemangkin dalam meningkatkan tahap kebersihan premis makanan serta meningkatkan imej Kota Kinabalu sebagai bandar raya bersih dan selamat dalam aspek keselamatan makanan!

PELAKSANAAN SISTEM PELUPUSAN SAMPAH SENDIRI (SPSS) DI KOMPLEKS SINSURAN, KOTA KINABALU

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal (JPSP) telah memperluas pelaksanaan Sistem Pelupusan Sampah Sendiri (SPSS) ke Kompleks Sinsuran, salah satu lokasi paling aktif dan padat di pusat bandar, bagi meningkatkan tahap kebersihan dan keselesaan persekitaran. Inisiatif ini selaras dengan aspirasi DBKK untuk menyediakan sistem pengurusan sisa pepejal yang cekap, mampan, dan selaras dengan matlamat pembangunan lestari (SDG), Dasar Kebersihan Negara (DKN), serta agenda Bandaraya MADANI.

Sebagai persiapan, DBKK telah mengedarkan lebih 400 notis pemberitahuan kepada pengusaha dan penduduk pada 16 Julai 2025, selain menjemput komuniti hadir ke Sesi Libat Urus SPSS pada 18 Julai 2025 di Lorong Sinsuran 4. Sesi ini dipengerusikan oleh Encik Robert Lipon, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Operasi), DBKK, bertujuan memberi penerangan mengenai kaedah pelaksanaan SPSS, menjawab pertanyaan awam, dan menggalakkan penglibatan aktif komuniti.

Sesi libat urus yang berlangsung pada 23 Julai 2025 telah dihadiri sekitar 120 pengusaha premis dan penduduk. Program bermula dengan ucapan alu-aluan daripada Encik Robert Lipon, diikuti taklimat oleh Encik Leong Tze Fui, Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal, DBKK, dan sesi soal jawab yang interaktif. Semua peserta menyatakan sokongan penuh terhadap pelaksanaan SPSS.



Pelaksanaan rasmi SPSS bermula pada 1 Ogos 2025, menggantikan sistem lama. Semua rumah sampah atau bin centre ditutup pada 31 Julai 2025, dan kutipan sampah kini dijalankan melalui kaedah pelupusan terus ke lori kutipan di dua lokasi utama:

**Lorong Sinsuran
(berhampiran Klinik Lau & Choong)**
10.00 pagi - 10.30 pagi
10.00 malam - 10.30 malam

**Lorong Gomantong
(berhampiran pencawang Sabah Electricity)**
10.45 pagi - 11.15 pagi
10.45 malam - 11.15 malam

Setiap sesi berlangsung selama 30 minit, dua kali sehari. DBKK menekankan kerjasama pengusaha dan penduduk untuk melupuskan sampah mengikut jadual yang ditetapkan. Tindakan penguatkuasaan juga dijalankan berlandaskan Undang-Undang Kecil Anti Sampah Sarap 1984 (Pindaan 2005), dengan kompaun antara RM20 hingga RM500 bagi setiap kesalahan.



Hari pertama pelaksanaan SPSS telah menerima sambutan positif, dengan kutipan sampah berjalan lancar di kedua-dua lorong berkenaan. Antara impak positif sistem ini termasuk:

- ✓ Menghapuskan longgokan sampah bertaburan
- ✓ Mengurangkan bau busuk dan pereputan sisa
- ✓ Mengawal populasi tikus dan vektor penyakit
- ✓ Mengurangkan vandalisme dan aktiviti penyelongkaran sampah
- ✓ Meningkatkan imej kawasan, mewujudkan persekitaran bersih, selamat dan kondusif



DBKK menyeru semua penduduk dan pengusaha premis untuk terus mematuhi jadual SPSS dan bekerjasama demi kejayaan sistem ini, seterusnya mewujudkan Kompleks Sinsuran yang lebih bersih, hijau, dan lestari. Perkembangan lanjut boleh diikuti melalui laman Facebook dan TikTok rasmi 'KK Bersih dan Hijau'.



PERTANDINGAN KECERIAAN GERAI PENJAJA DI PASAR BESAR KOTA KINABALU, TERAPKAN AMALAN BUDAYA KEBERSIHAN & KECERIAAN DALAM KALANGAN PENJAJA

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) melalui Jabatan Kesihatan Persekitaran Bandaraya telah menganjurkan Acara Penyampaian Hadiah Pertandingan Keceriaan Gerai Penjaja Di Pasar Besar Kota Kinabalu bersempena dengan Kempen Membasmi Tikus di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Tahun 2025, pada 28 Julai 2025.

Pertandingan Keceriaan Gerai Penjaja merupakan salah satu daripada inisiatif yang dijalankan bersempena dengan Kempen Membasmi Tikus Di PBT, yang merupakan program anjuran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan melibatkan sebanyak sepuluh PBT di seluruh negara.

Mengangkat tema 'Gerai Ceria, Keselesaan Bersama', penganjuran pertandingan ini bertujuan untuk menggalakkan amalan budaya kebersihan dan keceriaan secara konsisten dalam kalangan penjaja, sekali gus memastikan keselesaan pengunjung yang datang ke Pasar Besar Kota Kinabalu.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Encik Robert Lipon, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Operasi), DBKK. Dalam ucapan alu-aluannya, beliau berkata, penilaian Pertandingan Keceriaan Gerai Penjaja Di Pasar Besar Kota Kinabalu telah dilaksanakan bermula 1 hingga 23 Julai 2025.

Tambahnya, aspek penilaian merangkumi elemen pematuhan kepada syarat-syarat lesen penjaja, kebersihan gerai penjaja, kekemasan, keceriaan dan kecantikan serta kreativiti dan amalan hijau.

Seramai 971 penjaja daripada Bangunan Pasar Besar dan Pasar Ikan, Kota Kinabalu telah menyertai pertandingan ini dan dinilai berdasarkan enam (6) kategori yang dipertandingkan, iaitu Kategori Gerai Menjual Sayur, Kategori Gerai Menjual Buah, Kategori Gerai Menjual



Barangan Kering, Kategori Gerai Makanan, Kategori Gerai Menjual Daging dan Kategori Gerai Menjual Ikan.

Pemenang Johan, Naib Johan dan Ketiga bagi setiap kategori masing-masing menerima hadiah wang tunai bernilai RM200, RM150 dan RM100 berserta sijil.

Turut hadir dalam majlis ini ialah Puan Syron Tunggolou, Pengarah Jabatan Kesihatan Persekitaran Bandaraya, DBKK; Encik Rozie Khan, Pengarah Jabatan Pelesenan, DBKK; Puan Rosie Inus Molukun, Pengarah Jabatan Penyelidikan, Inovasi dan Hal Ehwal Antarabangsa, DBKK dan Puan Sally Edward Ghani, Pengarah Jabatan Arkitek dan Projek Khas, DBKK.

Selain itu, bersempena dengan Kempen Membasmi Tikus di PBT Tahun 2025, DBKK turut menganjurkan Pertandingan Tangkap Tikus yang menawarkan insentif RM2 bagi setiap tikus yang ditangkap dan diserahkan kepada DBKK, sepanjang tempoh 1 hingga 31 Julai 2025.

Penganjuran pertandingan ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran umum mengenai bahaya masalah infestasi tikus yang boleh menjadi pembawa penyakit serius seperti Leptospirosis, yang boleh menjangkiti manusia melalui air yang tercemar dengan air kencing tikus.

Tahniah diucapkan kepada semua penjaja yang menyertai Pertandingan Keceriaan Gerai Penjaja di Pasar Besar Kota Kinabalu. Semoga komitmen yang dizahirkan menerusi pertandingan ini diteruskan seiring usaha mempertingkatkan tahap kebersihan dan keceriaan di sekitar pasar.

59 TAN SAMPAH DOMESTIK BERJAYA DIKUMPUL MENERUSI PROGRAM KK CLEANUP DAY 2.0

Program KK Cleanup Day 2.0 dan Pelancaran Cabaran 'Kampungku Bersih' Edisi Kepulauan anjuran Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah berlangsung dengan jayanya di Dataran Bandaraya, Jalan Tun Fuad Stephens, pada 23 Ogos 2025.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, *JP*, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu. Dalam ucapannya, Dato' Sri Mayor berkata, program ini bukan sekadar acara kebersihan, namun merupakan manifestasi kesungguhan kolektif warga bandar raya dalam memelihara alam sekitar, membudayakan nilai kebersihan serta membina imej Kota Kinabalu sebagai sebuah bandar raya mampan dan berdaya tahan.

Dalam pada itu, majlis turut menyaksikan simbolik penyerahan kelengkapan Surau Medan Selera Anjung Senja yang disampaikan oleh YBhg. Datin Sri Hajah Adreen Aderizza binti Mohamad Soffi, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Daerah Kota Kinabalu kepada Dato' Sri Mayor.

Turut hadir ke program ini ialah YBhg. Datuk Sr. Lifred Wong, Ketua Pengarah, DBKK; barisan Pengurusan Tinggi, DBKK; Ketua-ketua Jabatan, DBKK dan Encik Reduan Aklee, Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (UPPM) DUN N.22 Tanjung Aru.

Program ini berjaya menarik penyertaan seramai 2,000 orang yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat, agensi kerajaan dan swasta dengan melibatkan penggunaan 53 unit jentera bagi menyokong kelancaran operasi, termasuk lori open truck, bot penumpang, bot skimmer, skylift dan lori tangki air.

Menerusi inisiatif ini, sebanyak 148,428 botol plastik telah berjaya dikitar semula manakala sejumlah 59 tan sampah domestik telah dikutip di kawasan kepulauan, iaitu Pulau



Gaya dan Pulau Sepanggar. Kesemua botol plastik yang dikumpulkan menerusi inisiatif ini telah dibeli pada harga pasaran semasa oleh rakan strategik DBKK, iaitu Prestige Recycle Technics Sdn. Bhd.

Kejayaan program ini menjadi bukti komitmen bersama dalam usaha mewujudkan Bandaraya Kota Kinabalu yang bersih, hijau dan lestari. Terima kasih kepada semua peserta, rakan strategik, syarikat swasta serta komuniti setempat atas komitmen dan kerjasama yang padu.

Untuk mengikuti perkembangan terkini berkaitan program-program kebersihan di sekitar Bandaraya Kota Kinabalu, orang ramai boleh melayari laman rasmi Facebook dan TikTok "KK Bersih dan Hijau".

PENJAJA, DBKK BERSATU HATI JAYAKAN GOTONG-ROYONG PEMBERSIHAN SEKITAR PASAR

Dalam usaha mewujudkan persekitaran pasar yang kondusif dan kemas, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) melalui Jabatan Pelesenan telah menganjurkan aktiviti gotong-royong pembersihan di Pasar Besar Kota Kinabalu, Pasar Ikan dan Anjung Kinabalu, pada 15 Ogos 2025.

Inisiatif ini mendapat kerjasama daripada para penjaja di pasar berkenaan dengan penglibatan seramai 80 orang penjaja bersama lapan (8) anggota Jabatan Pelesenan, DBKK yang bersama-sama mengerah tenaga sepanjang aktiviti berlangsung.

Kerja-kerja pembersihan yang berlangsung bermula 2.00 petang ini melibatkan kerja-kerja pembersihan yang merangkumi kawasan lot gerai masing-masing di Pasar Besar Kota Kinabalu, Pasar Ikan dan Anjung Kinabalu.

Selain daripada itu, para penjaja turut membersihkan parit di sekitar kawasan pasar serta kawasan lapang berhampiran D'Walai Haruman dan juga kawasan kaki lima di D'Walai Mutiara.

Usaha sama ini menjadi cerminan kepada kerjasama erat di antara DBKK dan penjaja pasar dalam memastikan tahap kebersihan di kawasan pasar sentiasa terjamin. Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan inisiatif ini!



KEMPEN KESEDARAN 'MY CITY, MY RESPONSIBILITY' 2.0 TAHUN 2025, SEMAI AMALAN HIJAU DALAM KOMUNITI



Seiring usaha meningkatkan kesedaran umum terhadap kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal telah menganjurkan Kempen Kesedaran 'My City, My Responsibility' 2.0 Tahun 2025, bertempat di City Mall, pada 22 November 2025.

Kempen yang dianjurkan dengan kerjasama City Mall ini bertujuan untuk mendidik masyarakat untuk lebih bertanggungjawab menjaga kebersihan dan persekitaran bagi menjadikan Kota Kinabalu sebagai sebuah bandar raya yang bersih, hijau dan berdaya huni.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Encik Robert Lipon, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Operasi), DBKK selaku Pengerusi Penganjur majlis yang hadir mewakili YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, JP, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu.

Hadir sama ialah Encik Leong Tze Fui, Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal, DBKK selaku Pengerusi Pelaksana Majlis dan Puan Jenny Chin, *Mall Manager*, City Mall.

Antara yang menjadi sorotan juga adalah Majlis Pelancaran Jawatankuasa Pengurusan Sisa Komuniti (JPSK). Encik Robert Lipon telah menyempurnakan sesi penyerahan watak kepada JPSK yang dilantik, iaitu Encik Mohammad Hasanah bin Mulkaseh, Pengerusi JPSK Kg. Cenderamata II dan Encik Dabalun bin Hj. Balau, Pengerusi JPSK Kg. Warisan Inanam.

Jawatankuasa ini terdiri daripada penduduk kampung itu sendiri yang akan bertindak dan bertugas dalam satu pasukan bagi memastikan pengurusan sisa komuniti di kampung mereka sentiasa teratur, selamat dan dapat menjana pendapatan kepada jawatankuasa dan penduduk kampung sendiri.

Fungsi utama penubuhan jawatankuasa ini adalah bagi membantu kampung-kampung di sekitar bandar raya yang tidak mempunyai kaedah pelupusan sampah yang teratur, dengan penekanan kepada tiga (3) elemen utama, iaitu Pengasingan Sampah, Pemulihan Bahan dan Penghasilan Kompos Daripada Sisa Makanan.

Penyertaan lebih 250 peserta dalam pertandingan-pertandingan yang dianjurkan telah menyemarakkan lagi suasana di sekitar kempen ini. Berikut adalah senarai penuh pemenang mengikut pertandingan:

PERTANDINGAN KUTIPAN BERAT KITAR SEMULA ANTARA SEKOLAH-SEKOLAH

KATEGORI SEKOLAH RENDAH

JOHAN

SJK (C) Shan Tao

NAIB JOHAN

SJK (C) Chung Hwa Kota Kinabalu

KETIGA

SK Kitobu Inanam

KATEGORI SEKOLAH MENENGAH

JOHAN

SMK Taman Tun Fuad

NAIB JOHAN

SMK SANZAC

KETIGA

SMK Tebobon Kota Kinabalu

PERTANDINGAN KUTIPAN BERAT KITAR SEMULA ISI RUMAH

KATEGORI BARANGAN KITAR SEMULA

JOHAN

Yeoh Yi Ru

NAIB JOHAN

Lam Yee Chang

KETIGA

Tang Chek Kok

KATEGORI MINYAK MASAK TERPAKAI

JOHAN

Mohammad Hasanah

NAIB JOHAN

Jessica Chong Mah Mee

KETIGA

Jesse L Unding



PERTANDINGAN MEWARNA DAN MELUKIS

PERTANDINGAN MEWARNA (10-12 TAHUN)

JOHAN
Winson Kong Yung Chen

NAIB JOHAN
Soleyha Syazzya

KETIGA
Aaron Junior Freedy

PERTANDINGAN MELUKIS (13-17 TAHUN)

JOHAN
Yeong Tian

NAIB JOHAN
Khayla Nurazalia

KETIGA
Charlieze Ariana Oh

MY LITTLE CITY STARS

KATEGORI INDIVIDU

JOHAN
Bradley Kyle Isaac Baillye

NAIB JOHAN
Dyan Humayra binti Taufik Hidayat

KETIGA
Reysa Nur Adreena

KATEGORI BERKUMPULAN

JOHAN
Nina Chiddos

NAIB JOHAN
The Shell Spirits

KETIGA
Jumbo The Great And Powerful

PERTANDINGAN VIDEO PENDEK 'RECYCLE FOR A BETTER FUTURE'

PEMENANG
Alexandria Edith John

TEKA BERAT PUNTUNG ROKOK

PEMENANG
Yong Yun Seng

Kesemua pemenang dalam pertandingan ini membawa pulang hadiah berupa wang tunai, piala dan sijil.

Turut menjadi tumpuan ramai adalah Jualan Produk Upcycle oleh komuniti, yang menampilkan barangan perhiasan seperti gelang, rantai kunci yang diperbuat daripada plastik terpakai, beg dan apron yang diperbuat daripada pakaian terpakai. Selain itu, turut berlangsung pembukaan reruai daripada jabatan-jabatan DBKK, iaitu Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Jabatan Penyelidikan, Inovasi dan Hal Ehwal Antarabangsa (*Smart City Friends*).

Semoga inisiatif ini menjadi pemangkin kepada pembentukan komuniti yang lebih bertanggungjawab dan berdaya saing dalam melestarikan alam sekitar. Tahniah kepada semua peserta!

KOTA KINABALU SAMBUT HARI TANDAS SEDUNIA 2025, DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU PERKUKUH STANDARD KEBERSIHAN BANDAR RAYA



Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) menyambut Hari Tandas Sedunia Peringkat Bandaraya Kota Kinabalu 2025 pada 4 Disember 2025, sebagai manifestasi komitmen berterusan untuk memperkukuh aspek sanitasi, kesihatan awam dan budaya kebersihan bandar raya.

Majlis dirasmikan oleh YBhg. Dato’ Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, JP, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu, yang menekankan bahawa kebersihan tandas adalah lambang peradaban dan maruah masyarakat serta menjadi penanda aras kemajuan sesebuah bandar.

Dalam ucapannya, Dato’ Sri Mayor menjelaskan bahawa DBKK terus meningkatkan *standard* kebersihan melalui pemeriksaan berkala, pemantapan garis panduan penyelenggaraan, program pemutihan tandas awam serta penggunaan teknologi pintar seperti aplikasi iCare, CCTV dan sensor tandas di bawah inisiatif *Smart City Early Adopter 2025*.

Tahun ini, Pertandingan Tandas Bersih 2025 menerima penyertaan luas yang merangkumi sekolah, pusat pelancongan, stesen minyak, pusat beli-belah, rumah ibadat, hotel, restoran serta premis makanan.

Dua kategori baharu diperkenalkan iaitu Hotel dan Rumah Ibadat, hasil sokongan Persatuan Hotel Malaysia (MAH), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) dan Majlis Gereja-Gereja Sabah. Penilaian dilaksanakan secara profesional menggunakan Borang Pengauditan & Penarafan Bintang Tandas Awam KPKT (Pindaan 2004).

Dato’ Sri Mayor turut merakamkan penghargaan kepada institusi pendidikan, rumah ibadat, pengusaha premis makanan, pusat beli-belah, hotel, persatuan perniagaan serta semua rakan kolaborasi yang menyokong usaha DBKK ke arah bandar raya yang lebih bersih, sihat dan berperadaban tinggi.

Beliau mengajak semua pihak untuk bersama membudayakan kebersihan selaras tema tahun ini, “Tandas Bersih, Komuniti Sejahtera”.

SENARAI PEMENANG PERTANDINGAN TANDAS BERSIH 2025	
KATEGORI STESEN MINYAK	
JOHAN NAIB JOHAN KETIGA	Petron Jalan Damai Petron Ulam North Petron Ulam South
KATEGORI PUSAT BELI-BELAH	
JOHAN NAIB JOHAN KETIGA	Imago Shopping Mall Suria Sabah Mall 88 Mall
KATEGORI PUSAT PERANGINAN / PELANCONGAN	
JOHAN NAIB JOHAN KETIGA	Mari Mari Cultural Village Homestay Desa Cinta Kobuni, Kg. Kobuni Inanam Aquascape Centre
KATEGORI HOTEL	
JOHAN NAIB JOHAN KETIGA	Promenade Hotel Kota Kinabalu Grandis Hotel and Resorts Hyatt Centric Kota Kinabalu
KATEGORI PREMIS MAKANAN (KEDAI KOPI)	
JOHAN NAIB JOHAN KETIGA	Kedai Kopi Kinabalu Yen Ai Herbal Tea Shop Kedai Kopi Ocean King
KATEGORI PREMIS MAKANAN (COFFEE HOUSE)	
JOHAN NAIB JOHAN KETIGA	Lucky Bean Kingfisher Café 17 Manmi Yogurt KKTS
KATEGORI PREMIS MAKANAN (RESTORAN)	
JOHAN NAIB JOHAN KETIGA	12 Dining Hai Di Lao Malaysia Sdn. Bhd. QSR Stores Sdn. Bhd., Jalan Sulaman



KATEGORI SEKOLAH RENDAH (BANDAR)

**JOHAN
NAIB JOHAN
KETIGA
KETIGA (BERKONGSI)**

SK Lok Yuk Likas
SK Lok Yuk Inanam
SK Api-API
SK St. Catherine Kota Kinabalu

KATEGORI SEKOLAH RENDAH (LUAR BANDAR)

**JOHAN
NAIB JOHAN
KETIGA**

SK Poring-Poring
SK Babagon Toki
SK Ruminding

KATEGORI SEKOLAH MENENGAH

**JOHAN
NAIB JOHAN
KETIGA**

Kolej Tingkatan Enam Kota Kinabalu
SM All Saints
SM Stella Maris, Tanjung Aru

KATEGORI RUMAH IBADAT (TOKONG)

**JOHAN
NAIB JOHAN**

Pertubuhan Ugama Buddha Che Sze Lim Kota Kinabalu
K.K. Buddhist Peak Naam Toong Mission

KATEGORI RUMAH IBADAT (GEREJA)

**JOHAN
NAIB JOHAN
KETIGA**

Calvary Charismatic Centre, Tanjung Aru
Gereja Katolik St. Catherine of Siena, Inanam
Wisma SIB Sabah, Taman Hong Kong

KATEGORI RUMAH IBADAT (MASJID / SURAU)

**JOHAN
NAIB JOHAN
KETIGA**

Surau Ar-Rahman, Kampung Tobur Rampayan
Masjid Nurul Hikmah, Bukit Padang
Masjid Bandaraya Kota Kinabalu



KERJASAMA MEMBAWA KEJAYAAAN! HARI CUCI MALAYSIA 2025 PERINGKAT BANDARAYA KOTA KINABALU CATAT KUTIPAN LEBIH 45 TAN SAMPAH

Lebih 45 tan sampah telah berjaya dikutip dan dilupuskan di seluruh pusat bandar termasuk perairan laut dan kepulauan menerusi penganjuran Hari Cuci Malaysia 2025 Peringkat Bandaraya Kota Kinabalu, pada 27 September 2025.

Program anjuran Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) yang diadakan bersempena dengan World Cleanup Day dan World Environmental Health Day ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, *JP*, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu.

Dalam ucapannya, Dato' Sri Mayor berkata, program ini bukan sekadar gotong-royong membersihkan sampah tetapi sebuah gerakan perubahan sosial untuk membudayakan kebersihan dalam kehidupan seharian.

Tambah beliau, ia merupakan simbol kesepakatan masyarakat, daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), sektor swasta, institusi pendidikan sehinggalah komuniti setempat dalam mengukuhkan tanggungjawab bersama menjaga alam sekitar dan mengurangkan risiko pencemaran.

Turut hadir ialah Encik Robert Lipon, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Operasi), DBKK selaku Pengerusi Pelaksana Hari Cuci Malaysia 2025 Peringkat Bandaraya Kota Kinabalu; Encik Karim bin Haji Rahim, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pembangunan Luar Bandar dan Penguatkuasaan), DBKK; Ts. Abdull Sulaiman bin Ismil, Ketua Unit CSR, Politeknik Kota Kinabalu; Encik Mohd Reduan bin Aklee, Pemimpin Pembangunan Masyarakat N.22 Tanjung Aru dan Encik Leong Tze Fui, Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal, DBKK.

Program pada kali ini melibatkan penyertaan lebih 1,400 peserta daripada pelbagai lapisan masyarakat dengan skop liputan pembersihan menyeluruh yang melibatkan pusat bandar, kawasan perumahan, pasar besar, perairan laut, kawasan kepulauan termasuk Pulau Gaya dan Pulau Sepanggar.

Manakala, sebanyak 32 unit jentera telah digerakkan iaitu lori terbuka, kompaktor, lori jet air, bot skimmer dan bot pengangkutan sampah.

Selain itu, usaha pembersihan di laut dan kawasan kepulauan telah berjaya mengumpul sebanyak 89,964 botol plastik. Kesemua botol plastik ini akan dihantar kepada rakan strategik DBKK, Prestige Recycle Technics Sdn. Bhd. untuk diproses dan dikitar semula.

Selain kerja-kerja pembersihan fizikal, program ini turut menampilkan pengisian lain bersempena dengan World Environmental Health Day, iaitu Kempen Larangan Memberi Makanan Kepada Burung Merpati yang telah digerakkan sejak April 2025 di bawah inisiatif Bandaraya Sihat, Komuniti Sejahtera.

Antara aktiviti kesihatan persekitaran yang telah dilaksanakan adalah membersihkan kotoran najis burung di Lintasan Deasoka, Sinsuran dan bangunan DBKK, operasi menangkap burung merpati menggunakan jala serta menjalankan Ops Cantas pokok bagi membuang sarang-sarang burung gagak dan merpati.

Selain itu, risalah Kempen Larangan Memberi Makanan Kepada Burung Merpati turut diedarkan kepada pengusaha premis perniagaan dan orang awam di sekitar Jalan Gaya serta Jalan Pantai bagi memberikan pendidikan kesihatan berhubung pencegahan penyakit bawaan burung merpati.

Dalam majlis ini juga, Dato' Sri Mayor turut menyempurnakan acara penyampaian hadiah kepada para pemenang Cabaran 'Kampungku Bersih' Edisi Kepulauan. Berikut adalah senarai penuh pemenang:

JOHAN
Kampung Torong Logong, Pulau Gaya

NAIB JOHAN
Kampung Pulau Sepanggar, Pulau Sepanggar

KETIGA
Kampung Lobong, Pulau Gaya

Johan, Naib Johan dan Ketiga masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM20,000, RM12,000 dan RM8,000 berserta trofi dan sijil. Sementara itu, Kampung Lok Urai, Kampung Pulau Gaya Asli, Kampung Pondo dan Kampung Kasuapan masing-masing menerima penghargaan penyertaan.

Turut menjadi tumpuan ramai adalah pembukaan reruai pendaftaran iBersih dan Kitar Semula Minyak Masak Terpakai yang telah berjaya mengumpul minyak masak terpakai seberat 1,875.5kg.

Terima kasih kepada semua pihak yang menyumbang tenaga bagi memastikan penganjuran Hari Cuci Malaysia 2025 Peringkat Bandaraya Kota Kinabalu berjalan lancar.

'CITY OF LIGHTS', KRAFTANGAN & SEAFOOD NOODLES, TARIKAN BAHARU DI KK SENTRAL

Bangunan KK Sentral kini lebih meriah dengan limpahan cahaya berwarna-warni yang dipancarkan pada waktu malam, menjadikannya salah satu tarikan baharu di Bandaraya Kota Kinabalu.

Inisiatif ini bertujuan untuk memperkasa visual dan landskap di sekitar Bandaraya Kota Kinabalu selain menjadi simbolik kepada komitmen mewujudkan bandar yang mesra, selamat dan progresif dari segi teknologi.

Majlis Pelancaran 'City of Lights' KK Sentral, Kraftangan KK Sentral dan KK Sentral Seafood Noodles pada 15 Julai 2025 telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, JP, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu.

Dalam ucapannya, Dato' Sri Mayor berkata, fasad KK Sentral kini dihiasi dengan sistem pencahayaan LED RGBW (Red, Green, Blue, White) pintar yang dikawal menggunakan Bluetooth dan merupakan yang pertama seumpamanya di Malaysia.

Tambahnya, KK Sentral kini bukan hanya berfungsi sebagai hab pengangkutan moden, tetapi telah berkembang menjadi mercu tanda cahaya yang menyambut para pengunjung dari dalam dan luar negara.

Turut hadir dalam majlis ini ialah YBhg. Datin Sri Hajah Adreen Aderizza binti Mohamad Soffi, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Daerah Kota Kinabalu; YBhg. Datuk Sr. Lifred Wong, Ketua Pengarah, DBKK merangkap Ahli Lembaga Pengarah DBKK Holdings Sdn. Bhd. (DBKKH); Timbalan-timbalan Ketua Pengarah, DBKK dan Encik Jimon Jahim, Pengarah Eksekutif DBKKH.



DBKK LAKSANA PENYELENGGARAAN POKOK BERISIKO TINGGI

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) melalui Jabatan Landskap telah melaksanakan kerja-kerja cantasan merendah pokok berisiko tinggi di sebuah kawasan perumahan bagi mengurangkan risiko terhadap keselamatan awam. Kerja-kerja penyelenggaraan tersebut dilaksanakan melalui pelantikan kontraktor luar dengan kos sebanyak RM8,000.

Hasil pemeriksaan mendapati pokok berkenaan ialah spesies Khaya Senegalensis atau lebih dikenali sebagai pokok Mahagoni. Spesies ini mempunyai kadar pertumbuhan yang cepat serta mampu mencapai saiz yang besar, sekali gus memerlukan penyelenggaraan berkala bagi memastikan ia berada dalam keadaan selamat.

Pemeriksaan turut mengenal pasti sebanyak 147 pokok Khaya Senegalensis di kawasan berkenaan. Kesemuanya telah direkodkan untuk tindakan secara berperingkat berdasarkan penilaian risiko, memandangkan kerja-kerja yang terlibat memerlukan tempoh pelaksanaan dan peruntukan yang besar.

DBKK akan terus melaksanakan penyelenggaraan pokok secara sistematik bagi memastikan landskap bandar kekal selamat, terurus dan lestari demi kesejahteraan warga Kota Kinabalu.





PERASMIAN DATARAN MENARA JAM ATKINSON, KOTA KINABALU

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dengan berbesar hati memaklumkan bahawa Projek Pengindahan Menara Jam Atkinson telah siap dilaksanakan dan kini dibuka semula kepada orang ramai serta para pelancong.

Pelaksanaan projek ini disempurnakan tepat pada masanya menjelang sambutan Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2026, selaras dengan usaha memperkukuhkan daya tarikan pelancongan warisan di Kota Kinabalu.

Majlis pelancaran pada 10 November 2025 telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, JP, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu. Turut hadir ialah YBhg. Datuk Sr. Lifred Wong, Ketua Pengarah DBKK bersama para pegawai kanan DBKK, wakil-wakil agensi kerajaan, serta rakan kolaborasi pembangunan bandar.

Pelaksanaan projek ini bertepatan dengan ulang tahun ke-120 penubuhan Menara Jam Atkinson, mercu tanda warisan yang dibina pada tahun 1905 sebagai memperingati pegawai daerah pertama Jesselton, Francis George Atkinson.

Menara ini bukan sekadar struktur fizikal, malah menjadi saksi kepada sejarah perkembangan kota, daripada era kolonial dan zaman konflik, hingga ke era pembinaan sebuah bandar raya moden dan progresif. Kelangsungan menara ini melambangkan kekuatan identiti, ketahanan serta kesinambungan sejarah Kota Kinabalu.

Penambahbaikan yang dilaksanakan meliputi kerja-kerja pengindahan landskap, pembinaan laluan pejalan kaki hutan sepanjang kira-kira 500 meter menuju ke Signal Hill, penyediaan kemudahan awam mesra OKU, pemasangan papan tanda maklumat, tempat rehat, pencahayaan baharu serta sistem pemantauan keselamatan melalui CCTV.

Di samping itu, langkah-langkah mitigasi hakisan turut dilaksanakan bagi memastikan keselamatan pengunjung dan pemeliharaan struktur warisan.

DBKK komited melestarikan warisan sejarah bandar raya seiring pembangunan infrastruktur moden, dengan matlamat menjadikan Kota Kinabalu sebagai bandar raya yang berdaya huni, berdaya saing, serta kaya dengan nilai sejarah dan budaya.

DBKK turut menyeru kerjasama masyarakat untuk sama-sama memelihara dan menghargai khazanah ini agar ia terus terpelihara untuk generasi akan datang.



DBKK PERKUKUH PENGUATKUASAAN PASAR: DUA OPERASI BERTURUT PASTIKAN KETERATURAN

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) memperkukuh penguatkuasaan terhadap aktiviti penjajaan haram dan pelanggaran peraturan di pasar awam melalui dua siri operasi berperingkat yang dilaksanakan pada Julai 2025. Tindakan tegas ini merupakan manifestasi komitmen berterusan DBKK dalam memastikan persekitaran pasar rakyat kekal teratur, bersih, dan selamat untuk semua.

SIRI 1

SITAAN DI PASAR BESAR DAN PASAR IKAN (9 JULAI 2025)

Misi pertama digerakkan oleh Jabatan Pelesenan DBKK pada 9 Julai 2025. Seawal pukul 6.30 pagi, anggota penguat kuasa memeriksa kawasan tempat letak kereta Pasar Besar Kota Kinabalu. Hasilnya, dua penjaja dikesan berniaga tanpa lesen yang sah. DBKK bertindak menyita tiga plastik sagu dan dua kerusi yang digunakan dalam aktiviti haram tersebut.

Operasi diteruskan ke Pasar Ikan Kota Kinabalu sekitar pukul 8.00 pagi. Meskipun notis dan peringatan telah diberikan sebelum ini, masih ada penjaja yang ingkar arahan penyimpanan peralatan di lokasi ditetapkan. Barangan yang dirampas termasuk dua tong buah oren, tiga kerusi kayu, tiga meja kayu, dan satu raga.



SIRI 2

OPERASI MEMBANTERAS PENJAJA TANPA LESEN (13 JULAI 2025)

Bersambung empat hari kemudian, pada 13 Julai 2025 sekitar pukul 6.15 pagi, DBKK melancarkan Operasi Membanteras Penjaja Tanpa Lesen. Kali ini, tumpuan diberikan di sepanjang laluan ke Anjung Kinabalu dan sekitar Pasar Besar Kota Kinabalu. Pasukan yang terdiri daripada Jabatan Pelesenan dan Jabatan Penguatkuasaan berjaya mengesan aktiviti jualan haram di hadapan bangunan Sabah Fish Marketing Sdn. Bhd. (SAFMA). Sebuah bakul berisi jualan disita serta-merta.

DBKK menegaskan bahawa operasi penguatkuasaan sebegini akan diteruskan secara berkala. Tiada kompromi terhadap sebarang pelanggaran undang-undang kecil dan syarat lesen. Semua penjaja dinasihatkan agar sentiasa mematuhi peraturan yang berkuat kuasa demi menjaga imej bersih pasar serta keselesaan para pengunjung. Kerjasama daripada komuniti penjaja amat dihargai, namun ketegasan adalah perlu demi kelestarian keteraturan Bandaraya Kota Kinabalu.



TINDAKAN TIDAK BERTANGGUNGJAWAB, JEJASKAN IMEJ BANDAR RAYA

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) mengambil maklum penulisan gambar di media sosial pada 6 Ogos 2025 yang memaparkan tindakan individu tidak bertanggungjawab membuang pakaian ke dalam air pancut (water fountain) di Jalan Gaya.

Hasil pemeriksaan mendapati tindakan tidak bertanggungjawab tersebut telah menyebabkan sistem pengaliran air tersumbat serta mengakibatkan pencemaran air di dalam air pancut tersebut. Tindakan pembersihan telah dilaksanakan serta-merta oleh kakitangan Jabatan Landskap, DBKK dan dalam masa yang sama, kerja-kerja mengecat semula struktur air pancut akan dilaksanakan bagi memperbaiki cat sedia ada yang telah rosak.

Orang ramai diingatkan untuk sama-sama menjaga kekemasan dan keindahan bandar raya bagi mengelakkan gambaran negatif kepada pengunjung, terutamanya pelancong. DBKK tidak akan teragak-agak mengenakan kompaun kepada individu yang melakukan perkara ini di bawah Undang-undang Kecil (UUK) (Anti Sampah Sarap) 1984 Pindaan 2005.



DBKK LAKSANA OPERASI PEMATUHAN KE ATAS TAPAK PEMBINAAN DI KEPAYAN

Bertindak atas aduan yang diterima, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah melaksanakan operasi pematuhan di sebuah tapak pembinaan yang terletak di Kepeyan, pada 2 September 2025.

Operasi yang dijalankan bermula 8.00 malam ini melibatkan usaha sama daripada seramai 16 anggota DBKK dari pelbagai jabatan, iaitu Jabatan Kawalan Bangunan, Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Penguatkuasaan.

Hasil pemeriksaan mendapati terdapat ketidakpatuhan daripada pihak pemaju. Oleh itu, DBKK telah memberikan amaran secara lisan kepada semua pekerja di tapak pembinaan berkenaan untuk menghentikan kerja serta-merta.

Selain itu, anggota DBKK yang bertugas turut menyita kunci kepada empat buah jentera, termasuk lori dan kren yang digunakan untuk aktiviti tapak, melewati masa bekerja yang dibenarkan. Dua keping kompaun turut dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil (Bangunan) 1951.

Sebagai makluman, Kelulusan Pelan Bangunan ada memaklumkan bahawa kerja-kerja pembangunan atau pengubahsuaian dibenarkan untuk dijalankan pada Isnin



hingga Sabtu, bermula 7.30 pagi hingga 6.00 petang sahaja. Manakala, Ahad dan cuti umum adalah tidak dibenarkan sama sekali.

DBKK menegaskan bahawa setiap pemaju dan kontraktor bertanggungjawab untuk mematuhi syarat kelulusan pelan bangunan serta peruntukan Undang-Undang Kecil (Bangunan) 1951. Kegagalan berbuat demikian akan dikenakan tindakan tegas demi menjaga kesejahteraan orang awam dan keharmonian bandar raya.

DBKK, JBPM LAKSANA OPERASI BERSEPADU KE ATAS DUA PREMIS HIBURAN

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Sabah telah mengadakan operasi bersepadu ke atas dua (2) buah premis hiburan yang beroperasi di pusat bandar, pada 8 September 2025.

Operasi yang diadakan bermula 8.30 malam ini telah diketuai oleh Encik Mohd. Pizar bin Aziz, Pengarah JBPM Negeri Sabah dan Encik Robert Lipon, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Operasi), DBKK serta penglibatan seramai 30 anggota daripada JBPM Negeri Sabah dan DBKK, iaitu Jabatan Pelesenan dan Jabatan Kawalan Bangunan.

Objektif utama pelaksanaan operasi bersepadu ini ialah untuk memeriksa keselamatan kebommbaan premis hiburan, menilai pematuhan syarat lesen DBKK dan menguatkuasakan tindakan terhadap pelanggaran operasi tanpa kebenaran.

Hasil pemeriksaan di kedua-dua premis hiburan ini mengesan pelbagai kesalahan seperti melakukan renovasi tanpa kelulusan pelan, laluan kecemasan terhalang, sistem pam air kebommbaan gagal berfungsi, pelanggaran kebommbaan dan lesen operasi yang telah tamat tempoh.

Sebagai tindakan susulan, JBPM Negeri Sabah telah memberikan amaran lisan dan nasihat keselamatan kepada premis berkenaan, dengan tempoh sebulan diberikan untuk pembetulan. Sementara itu, DBKK akan memantau isu renovasi yang dilakukan tanpa kelulusan, selain memberi amaran lisan dan tempoh sehingga hujung bulan September 2025 untuk pembaharuan lesen.

DBKK dan JBPM Negeri Sabah sentiasa komited dalam memastikan pematuhan undang-undang dan keselamatan masyarakat sentiasa terjaga. Pemeriksaan susulan premis-premis hiburan ini akan dilaksanakan bagi memastikan tindakan pembetulan telah diambil.



DBKK PERTINGKAT RONDAAN BAGI MENCEGAH KANAK-KANAK GELANDANGAN DI RUMAH SAMPAH

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) mengambil maklum mengenai penularan sebuah rakaman video di media sosial pada 26 September 2025 yang memaparkan sekumpulan kanak-kanak gelandangan memanjat dan menyelongkar sebuah rumah sampah di kawasan bandar raya.

Susulan penularan video tersebut, DBKK melalui Jabatan Penguatkuasaan telah mengambil tindakan serta-merta dengan menghantar anggota bagi membuat pemeriksaan. Namun, didapati bahawa kanak-kanak gelandangan tersebut tidak berada di rumah sampah berkenaan.

DBKK memandang serius perkara-perkara ini kerana ia mencalarakan imej Bandaraya Kota Kinabalu dan menjejaskan aspek kebersihan serta keteraturan bandar raya.

Orang awam yang mempunyai maklumat berkaitan kejadian seumpama ini diminta untuk menyalurkannya kepada DBKK menerusi sistem iCare dengan melayari pautan <https://dbkk.sabah.gov.my/icare>

Sebarang pertanyaan lanjut, hubungi talian 012-822 6601 / 012-811 4465 pada hari bekerja, Isnin hingga Jumaat, jam 8 pagi hingga 5 petang. Dalam masa yang sama, kekerapan rondaan di lokasi berkenaan akan terus dipertingkatkan.



OPS BERSIH DI JETI DBKK, JALAN TUN FUAD STEPHENS

Sebagai usaha berterusan untuk meningkatkan kesedaran awam berkaitan penjagaan kebersihan persekitaran, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal telah melaksanakan beberapa siri Ops Bersih di Jeti DBKK, Jalan Tun Fuad Stephens, pada 4 dan 9 Oktober 2025.

Operasi ini melibatkan seramai lapan anggota daripada Unit Kawalan Selia, JPSP dan bertujuan untuk mendidik masyarakat untuk lebih bertanggungjawab dalam menjaga kebersihan kawasan awam dan memastikan imej Bandaraya Kota Kinabalu sentiasa terjaga.

Hasil operasi ini, sebanyak 13 keping kompaun telah dikeluarkan kepada orang awam yang didapati membuang sampah merata-rata tempat, di bawah UUK Anti Sampah Sarap 1984 (Pindaan 2005). Di bawah UUK ini, mana-mana individu yang didapati bersalah boleh didenda tidak kurang RM20 dan tidak melebihi RM500 bagi setiap kesalahan.

DBKK akan meneruskan pelaksanaan Ops Bersih secara berjadual di kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan awam bagi memastikan tahap kebersihan Bandaraya Kota Kinabalu sentiasa berada pada tahap yang tertinggi.



TINDAKAN PENGUATKUASAAN TERHADAP KENDERAAN YANG MENGHALANG LALU LINTAS DI TANJUNG ARU

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menerima aduan awam berhubung kesesakan lalu lintas yang berlaku di Tanjung Aru berpunca daripada tindakan segelintir individu yang meletakkan kenderaan mereka di jalan serta kawasan awam yang tidak dibenarkan, pada 26 Oktober 2025.

Bertindak atas aduan tersebut, seramai lima (5) anggota daripada Jabatan Penguatkuasaan, DBKK telah digerakkan ke lokasi bagi menjalankan pemeriksaan. Hasil pemeriksaan lanjut mendapati beberapa kenderaan telah diletakkan secara tidak teratur hingga menyebabkan gangguan kepada aliran trafik di kawasan berkenaan.

Sebanyak 14 keping tawaran kompaun telah dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil (Peruntukan Tempat-tempat Letak Kereta Awam) (Letak Kereta Awam Berkupon) Bandaraya Kota Kinabalu 2014.

Hadir sama di lokasi adalah anggota daripada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Kinabalu yang turut mengambil tindakan terhadap pesalah trafik.

DBKK merakamkan penghargaan kepada IPD Kota Kinabalu di atas kerjasama dan sokongan berterusan

dalam memastikan keselamatan dan keteraturan di sekitar bandar raya sentiasa terpelihara.

Orang ramai diingatkan agar sentiasa mematuhi peraturan dan undang-undang lalu lintas yang berkuat kuasa bagi memastikan kelancaran aliran trafik serta kesejahteraan pengguna jalan raya.



TAHNNIAH!

DBKK UNGGULI KEJOHANAN PESTA SUKAN MUHIBAH JKM KALI KE-14 TAHUN 2025

Dedikasi dan semangat juang yang tinggi akhirnya membuahkan hasil apabila Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) berjaya mempertahankan kejuaraan dalam Kejohanan Pesta Sukan Muhibah Jabatan Ketua Menteri Kali Ke-14 Tahun 2025 pada 26 September 2025.

Majlis penutupan kejohanan dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Datuk Nizam Abu Bakar Titingan, Pembantu Menteri Kepada Ketua Menteri yang hadir mewakili Ketua Menteri Sabah.

YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, *JP*, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu turut menzahirkan ucapan tahniah kepada pasukan DBKK atas kejayaan ini. Katanya, kejayaan DBKK menjuarai kejohanan ini buat kali kedua berturut-turut adalah suatu pencapaian yang sangat memberangsangkan selain manifestasi budaya kerja anggota DBKK yang konsisten dan sentiasa berusaha meningkatkan standard perkhidmatan, sesuai dengan kehendak semasa.

Pasukan DBKK telah mengungguli carta kejohanan dengan kutipan keseluruhan sebanyak 12 pingat, iaitu sembilan (9) pingat emas, satu (1) pingat perak dan dua (2) pingat gangsa.

Naib Johan telah dimenangi oleh Kumpulan Yayasan Sabah (KYS) dengan kutipan keseluruhan lapan (8) pingat, diikuti oleh Jabatan Ketua Menteri (Perdana) di tempat ketiga dengan kutipan enam (6) pingat. Sementara itu, tempat Ke-4 hingga Ke-7 telah dimenangi oleh Jabatan Perhutanan Negeri Sabah, Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) dan Kumpulan Sawit Kinabalu.

Kejohanan yang berlangsung pada 20 hingga 27 September ini menyaksikan pasukan berentap dalam 15 acara sukan seperti Tarik Tali, Catur, Karom, Tenpin Boling, Futsal, Bola Jaring, Golf, Ping Pong, Bola Sepak, e-Sport, Dart, Sepak Takraw, Bola Tampar, Badminton dan Petanque.

Terdahulu, Majlis Perasmian Kejohanan Pesta Sukan Muhibah Jabatan Ketua Menteri Kali Ke-14 Tahun 2025 telah berlangsung pada 20 September 2025. Majlis perasmian kejohanan telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Panglima Sr. Haji Safar bin Untong, *JP*, Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah.

Simbolik kejohanan menyaksikan dua anggota Jabatan Penguatkuasaan, DBKK iaitu atlet larian, Puan Kona Liaw membawa masuk obor kejohanan sebelum diserahkan kepada bekas pemain bola sepak dan ketua pasukan negeri Sabah, Encik Jelius Ating yang kemudian telah menyalakan api di kawah obor.

"Strong Then, Unstoppable Now"

Syabas kepada pasukan DBKK!





PENYAMPAIAN HADIAH DBKK VIRTUAL FUN RUN 2025

Majlis Penyampaian Hadiah DBKK Virtual Fun Run 2025 telah diadakan pada 21 Oktober 2025 di Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), bagi meraikan para peserta yang telah berjaya menamatkan cabaran larian maya yang berlangsung dari 16 Ogos hingga 16 September 2025.

Program ini merupakan salah satu inisiatif DBKK yang bertujuan menggalakkan gaya hidup sihat, memupuk semangat berpasukan dan memperkukuh kesejahteraan warga kerja, selaras dengan usaha mewujudkan persekitaran kerja yang cergas dan produktif.

Larian maya ini melibatkan jarak sejauh 50 kilometer secara berkumpulan, dengan penyertaan tiga (3) orang bagi setiap kumpulan.

Program ini mendapat sambutan menggalakkan daripada pelbagai jabatan di DBKK, menunjukkan semangat kesukanan dan kekitaan yang tinggi dalam kalangan warga kerja bandar raya.

Keputusan Larian 50KM (Kategori Kumpulan) adalah seperti berikut:

JUARA

Wincentbert Latius
Mohammad Nazmi bin Abdul Jakir
Puteri Nurazzimah Izzati binti Agusti Zulkarnain

 Catatan masa
03:40:47

TEMPAT KEDUA

Salvia binti Yusop
Reffle bin Morijon
Anida Ismail

 Catatan masa
04:24:42

TEMPAT KETIGA

Norlinda Gati
Shah Aryan bin Shahzam
Mohamad Muffrie bin Muliyadi

 Catatan masa
04:51:55

TEMPAT KEEMPAT

Leong Tze Fui
Sebastian Stephen
Mauran Gadim

 Catatan masa
04:54:40

Pemenang Cabutan Bertuah:

1

Stefhan Kuling
Rozenie binti Jerome
Tity Melissa binti Hawang

2

Danniel Yanjom
Hadly Yumol
Boniventure Laju Maligkam

3

Mohd Khairul Anuar bin Norbit
Mohd Hafiz bin Imbran
Mohd Razali bin Mat Jari

Bagi kategori Jabatan Paling Aktif, pengiktirafan tersebut diberikan kepada Jabatan Pelesenan atas penyertaan aktif dan komitmen tinggi dalam menjayakan program ini.

DBKK merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada semua peserta atas penyertaan, semangat kesukanan serta komitmen yang ditunjukkan sepanjang program ini berlangsung.

Semoga penganjuran DBKK Virtual Fun Run 2025 menjadi pemangkin kepada budaya kerja yang sihat, harmoni dan produktif, seiring dengan aspirasi DBKK untuk melahirkan warga kerja yang dinamik serta bandar raya yang sejahtera.



PROGRAM**RIDE SANTAI BERSAMA MAYOR**

Seramai 50 orang peserta yang terdiri daripada ahli kelab dan jemputan telah memeriahkan lagi Program Ride Santai Bersama Mayor anjuran PUSPANITA Cawangan Daerah Kota Kinabalu (CDKK) melalui Biro Sosial & Kelab Berbasikal Borneo Angels, di Taman Awam Tanjung Aru, pada 20 Julai 2025.

Hadir sama ialah YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, JP, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu; YBhg. Datin Sri Hajah Adreen Aderizza binti Mohamad Soffi, Pengerusi PUSPANITA CDKK; Encik Robert Lipon, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), DBKK dan Encik Sairullizam bin Sukor, Chief of Staff (COS).

Aktiviti kayuhan santai ini bertujuan menggalakkan gaya hidup sihat, mengeratkan hubungan silaturahim serta memupuk semangat kebersamaan dalam kalangan peserta melalui aktiviti riadah di kawasan rekreasi

**PROGRAM****PENYERAHAN SUMBANGAN POKOK KELAPA KEPADA MAJLIS DAERAH PAPAR**

PUSPANITA Cawangan Daerah Kota Kinabalu (CDKK) telah menganjurkan Program Penyerahan Sumbangan Pokok Kelapa Kepada Majlis Daerah Papar, pada 11 Ogos 2025.

Hadir mengetuai program ini adalah YBhg. Datin Sri Hajah Adreen Aderizza binti Mohamad Soffi, Pengerusi PUSPANITA CDKK.

Penyerahan sumbangan pokok kelapa ini merupakan simbolik sokongan terhadap usaha penghijauan kawasan serta memperindahkannya landskap di sekitar daerah Papar.

Program ini diharap akan mengeratkan lagi jalinan kerjasama di antara PUSPANITA CDKK bersama Majlis Daerah Papar, di samping memupuk kesedaran mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar dan penanaman pokok dalam kalangan masyarakat.





PUSPANITA CAWANGAN DAERAH KOTA KINABALU SERTAI PROGRAM KK CLEAN UP DAY 2.0

PUSPANITA Cawangan Daerah Kota Kinabalu (CDKK) telah menyertai Program KK Clean Up Day 2.0 dan Pelancaran Cabaran 'Kampungku Bersih' Edisi Kepulauan anjuran Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal, yang diadakan di Anjung Senja, Kota Kinabalu pada 23 Ogos 2025.

Penyertaan PUSPANITA CDKK dalam program ini diketuai oleh YBhg. Datin Sri Hajah Adreen Aderizza binti Mohamad Soffi, Pengerusi PUSPANITA CDKK bersama ahli-ahli, sebagai tanda sokongan terhadap inisiatif kebersihan bandar yang dianjurkan oleh DBKK.

Dalam program ini, PUSPANITA CDKK telah melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan penyusunan semula kemudahan bagi menceriakan kawasan surau dan tandas di Anjung Senja, agar lebih selesa digunakan oleh pengunjung.

Program ini bukan sahaja dapat memupuk semangat kerjasama dalam kalangan ahli, malah turut menyokong usaha pihak DBKK dalam memastikan kawasan awam sentiasa bersih, ceria dan kondusif untuk kegunaan masyarakat setempat serta pelancong yang berkunjung ke kawasan tersebut.

PENAIKTARAFAN DEWAN PUSPA KEPADA PUSPANITA LOUNGE

PUSPANITA Cawangan Daerah Kota Kinabalu (CDKK) dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah melaksanakan kerja-kerja menaik taraf Dewan Puspa kepada PUSPANITA Lounge, bermula 1 Oktober hingga 1 November 2025.

Tujuan projek ini dilaksanakan adalah bagi menambah baik kemudahan sedia ada serta mewujudkan ruang yang lebih selesa, kemas dan kondusif untuk kegunaan ahli-ahli PUSPANITA sebagai ruang santai, lokasi aktiviti dan perjumpaan.

Usaha ini diharap dapat memberi manfaat kepada ahli-ahli PUSPANITA dengan penyediaan ruang yang lebih moden, selesa dan sesuai untuk pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti di masa akan datang.



MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL, DOA KESYUKURAN & KESELAMATAN TAHUN 2025

PUSPANITA Cawangan Daerah Kota Kinabalu (CDKK) telah menganjurkan Majlis Sambutan Maulidur Rasul, Doa Kesyukuran & Keselamatan Tahun 2025, bertempat di PUSPANITA Longue, pada 3 Oktober 2025.

Hadir dalam majlis ini ialah YBhg. Datin Sri Hajah Adreen Aderizza binti Mohamad Soffi, Pengerusi PUSPANITA CDKK serta ahli-ahli PUSPANITA CDKK.

Penganjuran majlis ini bertujuan untuk memperingati kelahiran Nabi Muhammad SAW, di samping mengeratkan silaturahim dalam kalangan ahli PUSPANITA.

Suasana majlis berlangsung dengan penuh keharmonian, kesederhanaan dan semangat ukhuwah. Melalui program ini, diharapkan nilai-nilai keagamaan, kesyukuran serta perpaduan dalam kalangan ahli PUSPANITA CDKK terus diperkukuh.



PROGRAM KLINIK ASAS & SOCIAL PLAY - PICKLEBALL

PUSPANITA Cawangan Daerah Kota Kinabalu telah mengadakan Program Klinik Asas & Social Play - Pickleball, bertempat di The Pickle Collective KK, Pan Pacific Sutera Harbour pada 27 November 2025.

Seramai 50 orang peserta yang terdiri daripada ahli-ahli PUSPANITA telah mengambil bahagian dalam program ini yang bertujuan untuk memperkenalkan sukan *pickleball* kepada para peserta.

Sesi klinik asas ini merangkumi pengenalan kepada peralatan, teknik asas permainan serta peraturan permainan. Peserta juga berpeluang untuk mempraktikkan kemahiran yang dipelajari melalui sesi 'social play' yang diadakan secara santai dan interaktif.

Selain menimba ilmu berkaitan sukan *pickleball*, para peserta juga dapat mengeratkan hubungan silaturahim selain menggalakkan gaya hidup sihat dan aktif.





JOM SERTAI

SMART CITY FRIENDS



"BANDAR PINTAR, KOMUNITI SEJAHTERA"

SETIAP PENDAFTARAN AHLI AKAN MENDAPAT HADIAH MISTERI

JABATAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI
DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU



lfwat/Miera 012 603 2056



#Smartfriendskotakinabalu



DOUBLE SIX GALLERY

"Double Six Gallery — Where Sabah Remembers."



DOUBLE SIX GALLERY

We're open every day — including public holidays



9:00 AM- 6:00 PM



DOUBLE SIX MEMORIAL PARK

Jalan Pantai Sembulan, Grace Point, 88100 Kota Kinabalu, Sabah

"Discover Sabah's history and heritage - with archival photos, personal stories, and exhibits that honor the leaders of the Double Six Tragedy."

NEWSPAPER CLIPPING
AND AIRPLANE DEBRIS

VICTIMS PROFILES AND
BACKGROUND

MALAYSIAN
DECLARATION SECTION

DOUBLE SIX
MONUMENT

JABATAN PENYELIDIKAN, INOVASI DAN HAL EHWAL ANTARABANGSA

+6088-244 000 - ANDY

double6gallery@gmail.com

gallery66dbkk

gallery66dbkk

gallery66dbkk



TAMAN BOTANI TUN FUAD STEPHENS, SABAH

JABATAN BOTANI, DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU

WAKTU OPERASI:

TAMAN TUN FUAD STEPHENS:

ISNIN – AHAD :

6.00 pagi – 7.00 malam (TREK JOGING)

WAKTU PEJABAT PENGURUSAN:

ISNIN – JUMAAT :

PEJABAT BUKA : 8.00 pagi – 5.00 petang


WAKTU REHAT:

ISNIN – KHAMIS : 1.00 tengah hari – 2.00 petang

JUMAAT : 11.30 pagi – 2.00 petang

PEJABAT TUTUP :

SABTU, AHAD & CUTI AM



Pejabat Pusat Pentadbiran Botani



Pondok Berlian



Taman Herba



Taman Halia



Konservatori



Jambatan Nostalgia



Bamboo Corner

TAMAN BOTANI TUN FUAD STEPHENS SABAH

LEGEND / PETUNJUK:

● You are here / Anda di sini

- Grab Point
- Guard House
- Entrance Gateway
- Secondary Entrance
- Stall
- Parking area
- Botanical Centre
- Tun Fuad Stephens Lake
- Commercial Plaza
- Boardwalk
- Nostalgia Bridge
- Floral Walk
- Herbs Garden
- Orchard Garden
- Taman Tai ohi Kang
- Bamboo Corner
- Ginger Garden
- Belian Walk
- Open Space
- Conservatory Centre (Aroids, Ferns, Orchid & Nepenthes Garden)
- Palm Garden
- Play Park
- Hiking Track 1
- Hiking Track 2 (Tangga Seribu)
- Hiking Track 3
- Hiking Track 4
- Hiking Track 5
- Hiking Track 6
- Putera Ballroom Hall
- Kg Nelayan Restaurant
- DBKK Operational Office

Circular Walkway:

Distance: 2KM
Steps: ~ 2600 - 3000 steps
Calories Burn: ~ 100kcal



Larangan Di Dalam Taman

- Bermain Papan Luncur
- Bermain Basikal
- Bermain Skuter / Skuter Elektrik
- Berjoging Berkumpulan yang menghalang Laluan Pengunjung lain.
- Berjudi
- Membuang Sampah Merata-rata
- Memetik Tumbuhan Sepanjang Laluan Trek
- Merokok & Membakar
- Membuang Ludah

- Membuang Sampah Merata-rata
- Memburu Haiwan
- Memancing
- Mengambil dan Merosakkan Tumbuhan
- Memetik dan Menyeludup Keluar Tumbuhan
- Merosakkan Harta Benda Taman / Vandalisme
- Menceroboh Kawasan Larangan
- Membuang Gula Getah
- Minum Minuman Keras / Alkohol

*Sekiranya masih terdapat orang awam tidak mematuhi peraturan ini sila ambil gambar dan laporkan kepada aduan awam di talian +6012 - 230 8679.

Bayaran Tiket Masuk

Konservatori dan Taman Herba

Kategori	Warganegara	Bukan Warganegara
Dewasa	RM 3.00	RM 10.00
Kanak - Kanak	RM 1.00	RM 5.00
Warga emas (60 Tahun Ke Atas)	PERCUMA	PERCUMA
OKU	PERCUMA	PERCUMA

Kemudahan

Taman Botani Tun Fuad Stephens

Tapak Aktiviti	Kapasiti	Kadar Sewaan	
		1 Jam	1 Hari
Plaza Komersial			
Keseluruhan Kawasan (1,600sf)	50 – 200 Orang	RM 180	RM 1500
Keluasan (20' X 20')	10 – 30 Orang	-	RM 300
Keluasan (10' X 10')	10 Orang	-	RM 150

Caj Harga

Taman Botani Tun Fuad Stephens

Aktiviti	Kadar Sewaan	
	1 Jam	1 Hari
Pemuliharaan (Acara Melebihi 30 orang)	-	RM 50
Penggambaran (Drama, Dokumentari, Film, Iklan Komersial)	RM 100 (1 Jam)	RM 300 (5 Jam)
Fotografi (Kahwin & Model)	RM 50 (1 Jam)	RM 150 (5 Jam)
Pemasangan Banner	RM 50 (1 Hari)	RM 250 (7 Hari) RM 900 (1 Bulan)

SEBARANG
PERTANYAAN
SILA HUBUNGI
NO. TALIAN
TEMPAHAN
TAMAN BOTANI
&
PERDANA PARK :
+6012 - 960 8679


Jabatan Botani, DBKK
Taman Botani Tun Fuad Stephen,
Jalan Bukit Padang Luyang,
88300 Kota Kinabalu, Sabah.



iBERSIH

**PERKHIDMATAN PENGUTIPAN
SISA PULAU DAN SISA KEBUN**

**KINI DITAWARKAN UNTUK SEMUA
KAWASAN TAMAN-TAMAN PERUMAHAN
BANDARAYA KOTA KINABALU**



MUAT TURUN APLIKASI



Download on the
App Store



GET IT ON
Google Play





KK Bersih dan Hijau

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI:

URUS SETIA **iBERSIH**
JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL
DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU
TINGKAT 7, BANGUNAN CENTRE POINT



088-244000



017-827 2217





HOTLINE

**JABATAN PENGADUAN DAN PERHUBUNGAN AWAM
DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU**



**Kini anda boleh
menghantar dan semak
pertanyaan / aduan anda
melalui DBKK iCare**

<https://dbkk.sabah.gov.my/icare>

Sebarang pertanyaan sila hubungi:

No. Telefon: 012-8226601 / 012-8114465
Isnin - Jumaat | 8.00 pagi - 5.00 petang

 aduan.dbkk@sabah.gov.my



**Dewan Bandaraya
Kota Kinabalu**



dewanbandarayakk



dbkk.official



DBKKOFFICIALTVOnline

DITERBITKAN OLEH:
Jabatan Pengaduan dan Perhubungan Awam
Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
No. 1, Jalan Bandaran, 88675 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia